JUZU' KE-26

# SURAH AL-FATH

SURAH KE

48

سُورَةُ الفَتْحِ

# SURAH AL-FATH

Surah Kemenangan

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

29

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

**(Kumpulan ayat-ayat 1 - 17)**

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ١

لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنۢبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ
عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ٢

وَيَنصُرَكَ ٱللَّهُ نَصْرًا عَزِيزًا ٣

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِى قُلُوبِ ٱلْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوٓا۟
إِيمَٰنًا مَّعَ إِيمَٰنِهِمْ ۗ وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ٤

لِّيُدْخِلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا
ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَيُكَفِّرَ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ ۚ وَكَانَ
ذَٰلِكَ عِندَ ٱللَّهِ فَوْزًا عَظِيمًا ٥

وَيُعَذِّبَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ
وَٱلْمُشْرِكَٰتِ ٱلظَّآنِّينَ بِٱللَّهِ ظَنَّ ٱلسَّوْءِ ۚ عَلَيْهِمْ
دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ ۖ وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ
جَهَنَّمَ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ٦

وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ
عَزِيزًا حَكِيمًا ٧

إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ٨

لِّتُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ ۚ
وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ٩

*"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu satu kemenangan yang amat nyata(1). Agar Allah mengampunkan dosa-dosa engkau yang telah lalu dan dosa-dosa engkau yang kemudian dan menyempurnakan ni'mat-Nya kepadamu dan memberi hidayat kepadamu ke jalan yang lurus(2). Dan agar Allah memberi pertolongan yang kuat kepadamu(3). Dialah yang telah menurunkan ketenteraman di dalam hati orang-orang yang beriman supaya bertambah kuat keimanan mereka di samping keimanan yang telah sedia ada. Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(4). Agar Dia memasukkan orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai di mana mereka hidup kekal abadi dan agar Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Dan balasan sedemikian adalah satu kemenangan yang amat besar di sisi Allah(5). Dan agar Dia mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan yang menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah. Mereka akan ditimpa lingkaran malapetaka yang buruk, dan Allah telah murka dan mengutuk mereka dan menyediakan Neraka Jahannam untuk mereka, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(6). Dan Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi dan Allah adalah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(7). Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi dan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran (8). Agar kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan agar kamu memulia dan membesarkan-Nya dan agar kamu mentasbihkan-Nya pagi dan petang."(9).*

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ يَدُ ٱللَّهِ
فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۚ فَمَن نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ ۖ
وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَٰهَدَ عَلَيْهُ ٱللَّهَ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا
عَظِيمًا ١٠

سَيَقُولُ لَكَ ٱلْمُخَلَّفُونَ مِنَ ٱلْأَعْرَابِ شَغَلَتْنَآ
أَمْوَٰلُنَا وَأَهْلُونَا فَٱسْتَغْفِرْ لَنَا ۚ يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِم
مَّا لَيْسَ فِى قُلُوبِهِمْ ۚ قُلْ فَمَن يَمْلِكُ لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ
شَيْـًٔا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًۢا ۚ بَلْ كَانَ ٱللَّهُ

بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١١﴾

بَلْ ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَنقَلِبَ ٱلرَّسُولُ وَٱلْمُؤْمِنُونَ إِلَىٰٓ أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَزُيِّنَ ذَٰلِكَ فِى قُلُوبِكُمْ وَظَنَنتُمْ ظَنَّ ٱلسَّوْءِ وَكُنتُمْ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٢﴾

وَمَن لَّمْ يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ فَإِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَعِيرًا ﴿١٣﴾

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ يَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٤﴾

سَيَقُولُ ٱلْمُخَلَّفُونَ إِذَا ٱنطَلَقْتُمْ إِلَىٰ مَغَانِمَ لِتَأْخُذُوهَا ذَرُونَا نَتَّبِعْكُمْ ۖ يُرِيدُونَ أَن يُبَدِّلُوا۟ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ۚ قُل لَّن تَتَّبِعُونَا كَذَٰلِكُمْ قَالَ ٱللَّهُ مِن قَبْلُ ۖ فَسَيَقُولُونَ بَلْ تَحْسُدُونَنَا ۚ بَلْ كَانُوا۟ لَا يَفْقَهُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥﴾

قُل لِّلْمُخَلَّفِينَ مِنَ ٱلْأَعْرَابِ سَتُدْعَوْنَ إِلَىٰ قَوْمٍ أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ تُقَٰتِلُونَهُمْ أَوْ يُسْلِمُونَ ۖ فَإِن تُطِيعُوا۟ يُؤْتِكُمُ ٱللَّهُ أَجْرًا حَسَنًا ۖ وَإِن تَتَوَلَّوْا۟ كَمَا تَوَلَّيْتُم مِّن قَبْلُ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦﴾

لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ وَمَن يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang berjanji setia denganmu adalah sebenarnya mereka berjanji setia dengan Allah. Tangan kesetiaan Allah di atas tangan mereka. Barang siapa yang memungkiri janji setia, maka sesungguhnya ia menimpakan akibat kemungkirannya ke atas dirinya sendiri, dan barang siapa yang menyempurnakan janji setianya kepada Allah, maka Allah akan mengurniakan-nya pahala yang amat besar(10). Orang-orang Arab Badwi yang ponteng (dari berperang) akan berkata kepadamu: Kami telah dihalangi kesibukan menguruskan harta benda dan anak isteri kami. Oleh itu pohonkanlah keampunan Allah kepada kami. Mereka menyata dengan lidah mereka apa yang tidak ada di dalam hati mereka. Katakanlah: Siapakah yang memiliki kuasa yang dapat melindungi kamu dari kehendak Allah jika Dia hendak menimpakan sesuatu mudharat ke atas kamu atau hendak memberikan sesuatu manfa'at kepada kamu? Bahkan Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(11). Bahkan kamu telah menyangka bahawa Rasul dan orang-orang Mu'min tidak akan kembali lagi kepada anak isteri mereka untuk selama-lamanya. Sangkaan itulah yang dihiaskan syaitan di dalam hati kamu dan kamu telah menaruh sangkaan yang buruk. Dan, kamu telah menjadi satu kaum yang tandus binasa(12). Dan barang siapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Kami telah menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang-orang kafir(13). Dan Allah memiliki langit dan bumi. Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(14). Orang-orang yang ponteng itu akan berkata ketika kamu pergi untuk mengambil rampasan-rampasan perang: Biarlah kami ikut pergi bersama kamu. Mereka hendak mengubahkan ketetapan-ketetapan Allah. Katakanlah: Kamu tidak akan dibenarkan mengikut kami. Demikianlah Allah telah menetapkan keputusan-Nya sebelum ini. Mereka akan berkata: Sebenarnya kamu dengkikan kami. Sebenarnya mereka tidak faham melainkan hanya sedikit sahaja(15). Katakanlah kepada orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu: Kamu akan diseru menghadapi satu kaum yang amat kuat supaya kamu memerangi mereka hingga mereka menyerah kalah. Jika kamu mematuhi (seruan ini) nescaya Allah mengurniakan kepada kamu pahala yang baik, dan jika kamu berpaling sebagaimana kamu telah berpaling sebelum ini nescaya Allah akan mengazabkan kamu dengan 'azab yang amat pedih(16). Tidak menjadi kesalahan kepada orang yang buta, tidak menjadi kesalahan kepada orang yang pincang dan tidak menjadi kesalahan kepada orang yang sakit (apabila mereka tidak ikut berperang). Dan barang siapa yang ta'atkan Allah dan Rasul-Nya nescaya Allah memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan barang siapa yang berpaling nescaya Allah akan mengazabkannya dengan 'azab yang amat pedih."(17).*

### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini ialah Surah Madaniyah. Ia diturunkan dalam tahun yang keenam Hijrah selepas Perjanjian Hudaybiyah. Ia memperkatakan peristiwa yang amat penting ini dan suasana-suasana yang melingkunginya. Ia menggambarkan keadaan masyarakat Islam dan keadaan di sekitar mereka pada masa itu. Jarak waktu di antara turunnya surah ini dengan turunnya Surah Muhammad yang mendahuluinya dalam tertib mushaf adalah kira-kira tiga tahun. Dalam masa itu perubahan-perubahan penting telah berlaku dalam masyarakat Islam di Madinah, iaitu perubahan-perubahan sikap mereka dan sikap penentang-penentang mereka, dan yang lebih penting ialah perubahan keadaan jiwa dan corak keimanan mereka, juga kejujuran mereka mematuhi cara hidup beriman dengan kefahaman yang matang dan mendalam.

Sebelum kita memperkatakan surah ini dan suasana-suasananya serta maksud-maksudnya, eloklah kita ikuti gambaran peristiwa yang kerananya diturunkan ayat ini supaya kita dapat hidup dalam suasana yang dihayati oleh orang-orang Islam yang menerima surah ini.

Rasulullah s.a.w. telah diberi mimpi bahawa beliau bersama orang-orang Islam akan memasuki negeri Makkah dengan kepala bercukur atau bergunting. Kaum Musyrikin telah menegah mereka memasuki Makkah sejak mereka berhijrah. Dan tegahan itu terus berlaku sehingga di dalam Bulan-bulan Haram yang dimuliakan oleh seluruh orang Arab di zaman jahiliyah. Di dalam bulan-bulan ini mereka semua biasanya meletakkan senjata dan menganggapkan peperangan dan perbuatan menghalangkan orang lain dari Masjidil-Haram di dalam bulan-bulan itu sebagai satu kesalahan yang besar. Sehingga pihak-pihak yang menuntut bela pun dapat berkumpul dengan damai di bawah naungan kesucian Tanah Haram ini. Apabila seorang bertemu dengan pembunuh bapanya atau saudaranya ia tidak akan mengangkat pedang membunuhnya dan tidak akan menghalangkannya dari memasuki Baitul-Haram. Tetapi sekarang mereka telah melanggar adat resam yang kukuh itu, mereka telah menghalangkan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam yang ada bersamanya dari memasuki Makkah sepanjang enam tahun selepas Hijrah dan sehingga kepada tahun yang keenam, iaitu tahun beliau mendapat mimpi ini. Beliau telah menceritakan mimpinya itu kepada sahabat-sahabatnya dan mereka telah menerimanya dengan penuh gembira.

***Peristiwa Hudaybiyah Dan Perjanjiannya***

Riwayat Ibn Hisyam mengenai peristiwa-peristiwa Hudaybiyah merupakan sumber yang paling lengkap yang dipegang kami. Riwayat ini pada keseluruhannya secucuk dengan riwayat al-Bukhari, riwayat al-Imam Ahmad dan dengan saringan yang dibuat oleh ibn Hazm di dalam "جوامع السيرة" dan dengan riwayat-riwayat yang lain dari mereka.

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian Rasulullah s.a.w. menetap di Madinah pada bulan Ramadhan dan bulan Syawal (selepas Peperangan Bani al-Mustaliq dan peristiwa fitnah terhadap Siti 'Aisyah r.'anha yang berlaku kemudiannya). Kemudian beliau keluar untuk mengerjakan umrah di dalam bulan Zulkaedah tanpa berniat hendak berperang. Beliau telah mengarah orang-orang Arab dan orang-orang Badwi yang tinggal di sekelilingnya supaya keluar bersama beliau, kerana beliau merasa bimbang orang-orang Quraysy akan, menentang beliau dengan peperangan atau menghalangkannya dari Baitullah. Ramai orang-orang Arab Badwi berlengah-lengah untuk menyambut seruan beliau itu, lalu beliau pun keluar dengan orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang Arab yang turut bersama dengannya. Beliau membawa bersamanya unta-unta korban dan berihram untuk mengerjakan umrah supaya orang-orang Makkah tidak memeranginya dan supaya mereka tahu bahawa maksud kedatangan beliau ialah untuk mengunjungi Baitullah dan memuliakannya.

Kata ibn Ishaq: Adalah Jabir ibn Abdullah, menurut cerita yang sampai kepadaku telah berkata: Kami para sahabat yang menyaksikan Perjanjian Hudaybiyah itu adalah seramai seribu empat ratus orang, kata az-Zuhri: Rasulullah s.a.w. keluar dan apabila beliau sampai di Asfan,[1] beliau telah ditemui oleh Bisyr ibn Sufyan al-Ka'bi. Ia berkata: "Wahai Rasulullah! Kaum Quraysy telah mendapat berita kedatangan anda ke mari dan mereka telah keluar bersama-sama semua perempuan mereka, sama ada yang tidak beranak atau yang beranak, dan mereka telah memakai kulit-kulit harimau dan turun di Tuwa. Mereka telah bersumpah dengan nama Allah bahawa anda tidak akan dapat memasuki Makkah. Khalid ibn al-Walid mengetuai angkatan berkuda mereka dan mereka telah membawa angkatan ini ke Kura'il-ghamim."[2] Kata rawi: Lalu Rasulullah pun bersabda: "Kasihan orang Quraysy ini! Mereka telah dimusnahkan oleh peperangan. Apakah yang memberatkan mereka jika mereka bebaskan di antara aku dengan semua orang Arab? Jika orang-orang Arab itu memandang aku benar, maka itu adalah kemahuan mereka. Dan jika Allah menolong aku menguasai mereka, mereka boleh masuk Islam beramai-ramai. Dan jika mereka tidak mahu berbuat begitu, mereka boleh berperang kerana mereka mempunyai kekuatan. Apa fikiran orang-orang Quraysy? Demi Allah aku akan terus berjuang untuk agama yang Allah utuskan aku supaya mengembangkannya sehingga Allah menzahirkannya atau leherku ini bercerai (mati dibunuh)." Kemudian beliau bersabda: "Siapa yang boleh membawa kita keluar dari sini mengikut satu jalan yang lain dari jalan yang akan dituju mereka (angkatan Quraysy)?"

Kata Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Abdullah ibn Abu Bakr bahawa ada seorang lelaki dari Bani Aslam berkata: "Saya boleh bawa keluar, wahai Rasulullah." Katanya: Lalu lelaki itu pun membawa mereka menempuh satu jalan yang sukar dan berbatu-batu di celah lorong-lorong bukit. Apabila mereka keluar dari jalan itu dengan susah payah dan sampai ke satu kawasan tanah datar di penghabisan wadi, Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Ucapkanlah:

نستغفر الله ونتوب إليه

*"Kami pohon keampunan dari Allah dan kami bertaubat kepada-Nya."*

Lalu mereka pun mengucapkan do'a itu. Kemudian beliau bersabda: "Demi Allah itulah do'a minta

---

[1] (عسفان) *Satu tempat yang terletak di antara Makkah dan Madinah sejauh dua marhalah dari Makkah.*

[2] (كراع الغميم) *Nama sebuah kampung di hadapan 'Asfan sejauh 8 batu.*

ampun yang dikemukakan kepada Bani Israel tetapi mereka enggan mengucapkannya."[3]

Kata Ibn Syihab az-Zuhri: Kemudian Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka dengan sabdanya: Ikutlah jalan sebelah kanan di antara dua belakang al-Hamdh[4] iaitu jalan yang menuju kepada Thaniyatul-Murar tempat perhentian di Hudaybiyah[5] di sebelah bawah Makkah. Kata rawi: Lalu tentera itu berjalan mengikut jalan itu dan apabila angkatan tentera berkuda Quraysy melihat kepulan-kepulan debu, tentera Rasulullah s.a.w. telah mengambil jalan yang lain dari jalan mereka, mereka pun dengan segera berlari mendapatkan kaum Quraysy. Rasulullah s.a.w. keluar dan apabila beliau mengambil jalan Thaniyatul-Murar tiba-tiba untanya melutut, lalu mereka berkata: "Unta ini tidak mahu berjalan lagi." Jawab Rasulullah s.a.w: "Bukan dia tidak mahu berjalan. Ini bukan tabi'atnya, tetapi dia ditahan oleh kuasa yang menahan gajah (tentera Abrahah) dari masuk Makkah. Pada hari ini apa sahaja yang dipinta kaum Quraysy kepadaku yang bertujuan memelihara hubungan kekeluargaan, aku akan memberikannya kepada mereka." (Menurut riwayat al-Bukhari: "Demi Allah, apa sahaja cadangan, mereka yang bertujuan menghormati kesucian-kesucian Allah Ta'ala, aku akan memberikannya kepada mereka"). Kemudian beliau bersabda kepada mereka: "Turunlah di sini!" Lalu seorang dari mereka berkata: "Wahai Rasulullah: Wadi ini tidak ada air untuk dijadikan tempat berhenti." Lalu beliau mengeluarkan sebilah anak panah dari, tabungnya dan memberikannya kepada seorang sahabatnya. Maka orang tersebut pun turun di salah satu lubang takungan di situ, lalu memacak lubang itu dengan anak panah itu, tiba-tiba air pun memancut keluar.

Setelah Rasulullah s.a.w. berehat, tiba-tiba datang Budayl ibn Warqa' al-Khuza'i bersama beberapa orang dari suku Khuza'at. Mereka bercakap dengan beliau dan menanyakan tujuan kedatangannya. Lalu beliau menceritakan kepada mereka bahawa, tujuan kedatangannya bukan untuk berperang, tetapi untuk mengunjungi Baitullah dan menghormati kesuciannya. Kemudian beliau berkata kepada mereka seperti apa yang telah dikatakannya kepada Bisyr ibn Sufyan sebelum ini. Lalu mereka pulang mendapatkan kaum Quraysy dan berkata kepada mereka: "Wahai kaum Quraysy! Kamu bertindak gopoh terhadap Muhammad. Sesungguhnya Muhammad bukannya datang untuk berperang, bahkan dia datang untuk mengunjungi Baitullah." Tetapi orang-orang Quraysy menuduh mereka dan mencabar mereka, dan berkata: "Walaupun dia datang bukan dengan maksud hendak berperang, namun demi Allah mereka tidak boleh memasuki Makkah secara kekerasan selama-lamanya supaya kita tidak menjadi buah mulut kepada sekalian orang Arab."

Suku Khuza'at ini merupakan satu suku yang baik dan bercakap benar dan ikhlas dengan Rasulullah s.a.w. sama ada mereka telah memeluk Islam atau masih berada dalam golongan Musyrikin. Mereka tidak menyembunyikan sesuatu apa pun yang ada di Makkah kepada beliau. Kemudian kaum Quraysy mengirim utusannya kepada Rasulullah s.a.w., iaitu Mukraz ibn Hafs ibn al-Akhyaf saudara Bani 'Amir ibn Lu'ai. Apabila beliau melihat Mukraz datang kepadanya beliau terus bersabda, "Orang ini tidak boleh dipercayai." Apabila ia sampai ke tempat Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya dan bercakap-cakap dengannya, beliau pun menerangkan kepadanya sebagaimana yang telah diterangkan kepada Budayl dan rakan-rakannya. Kemudian Mukraz kembali mendapatkan kaum Quraysy dan menceritakan kepada mereka apa yang telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. kepadanya. Kemudian kaum Quraysy menghantar al-Hulays ibn 'Alqamah atau Ibn Zaban untuk menemui beliau. Ketika itu al-Hulays menjadi penghulu suku-suku yang tinggal di Hubsyi dan dia juga salah seorang dari Bani al-Harith ibn Abdu Manat ibn Kinanah. Apabila Rasulullah s.a.w. melihat al-Hulays beliau bersabda: "Orang ini dari kaum yang banyak beribadat. Oleh itu, bawalah unta-unta korban itu di hadapannya supaya ia melihatnya." Sebaik sahaja al-Hulays melihat unta-unta korban itu yang kelihatan berkalung dan bulu-bulunya gugur kerana terlalu lama tertahan, ia pun terus pulang sebelum sempat menemui Rasulullah s.a.w. kerana terharu dengan pemandangan yang dilihatnya. Ia pulang mendapatkan kaum Quraysy dan menceritakan kepada mereka segala apa yang dilihatnya. Mereka berkata kepadanya: "Duduklah! Engkau orang Arab Badwi, engkau tidak tahu apa-apa."

Kata Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Abdullah ibn Abu Bakr bahawa al-Hulays sangat marah mendengar perkataan itu dan terus menjawab, "Wahai kaum Quraysy! Demi Allah, bukan tujuan kami bersetuju mengadakan perjanjian setia dengan kamu, bukan ini tujuan kami berikat dengan kamu. Adakah patut ditahan orang yang datang untuk mengunjungi dan menghormati Baitullah? Demi nyawa al-Hulays di tangan Allah, sama ada kaum kamu membenarkan Muhammad menyempurnakan tujuan kedatangannya atau aku bersama dengan semua suku-suku yang tinggal di Hubsyi akan keluar serentak dari Makkah. Kata rawi: Orang-orang Quraysy pun berkata kepada al-Hulays, "Sabar! Jangan buat apa-apa kepada kami, wahai al-Hulays, sehingga kami dapat membuat keputusan yang memuaskan hati kami sekalian."

---

[3] *Rasulullah sa.w. memberi isyarat kepada satu cerita di dalam Al-Qur'an:* وَٱدْخُلُوا ٱلْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةٌ نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطَٰيَٰكُمْ وَسَنَزِيدُ ٱلْمُحْسِنِينَ . فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ ٱلَّذِى قِيلَ لَهُمْ ......

[4] *Nama tempat(الحمض).*

[5] *Sebuah kampung sejauh satu marhalah dari Makkah.*

Kata az-Zuhri: Kemudian kaum Quraysy menghantar 'Urwah ibn Mas'ud al-Thaqafi menemui Rasulullah s.a.w. Dia berkata kepada mereka: "Wahai kaum Quraysy! Aku telah melihat nasib yang diterima oleh utusan-utusan yang telah kamu utuskan mereka kepada Muhammad apabila mereka pulang mendapatkan kamu. Kamu memarahi mereka dan mengeluarkan kata-kata yang kesat. Kamu tahu bahawa kamu adalah bapa dan aku hanya anak (keturunannya dari sebelah ibunya bersambung dengan Bani 'Abdu Syams). Aku telah mendengar kesusahan yang telah menimpa kamu, lalu aku kumpulkan mana-mana kaumku yang patuh kepadaku kemudian aku datang kepada kamu untuk menolong kamu dengan diriku sendiri." Jawab mereka: "Apa yang engkau kata itu adalah benar dan engkau adalah seorang yang bersih di sisi kami." Lalu ia pun keluar untuk menemui Rasulullah s.a.w. Apabila sampai di hadapan beliau dia terus berkata: "Apakah anda mengumpulkan berbagai-bagai jenis manusia ini dan membawa mereka ke tengah-tengah anak buah anda sendiri untuk menghancurkan mereka? Sekarang semua kaum Quraysy telah keluar membawa bersama mereka sekalian perempuan mereka sama ada yang tidak beranak atau yang beranak. Mereka telah memakai kulit-kulit harimau dan bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak akan membenarkan anda memasuki Makkah dengan kekerasan. Demi Allah, saya nampak mereka ini semua akan lari meninggalkan anda besok." Kata rawi: Ketika itu Abu Bakr duduk di belakang Rasulullah s.a.w., lalu dia membantah kata-kata[6] 'Urwah itu dan berkata: "Apakah kami akan tergamak meninggalkan beliau besok?" 'Urwah terus bertanya: "Wahai Muhammad! Siapakah orang ini?" Jawab beliau: "Inilah anak Abu Quhafah." Kata 'Urwah, "Demi Allah, jika tidak kerana budimu kepadaku nescaya aku akan balaskan engkau kerana perkataanmu itu." Kata rawi: Kemudian 'Urwah memegang janggut Rasulullah s.a.w. ketika bercakap dengannya. Kata rawi: Ketika itu al-Mughirah ibn Syu'bah berdiri di atas kepala Rasulullah s.a.w. Kata rawi: Al-Mughirah memukul tangan 'Urwah apabila ia memegang janggut Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Jauhkan tanganmu dari muka Rasulullah s.a.w.!" Kata rawi: 'Urwah menjawab, "Celaka engkau! Alangkah kasarnya engkau!" Kata rawi: Rasulullah s.a.w. tersenyum dan 'Urwah bertanya: "Wahai Muhammad! Siapakah orang ini?" Jawab beliau: "Inilah anak saudaramu al-Mughirah ibn Syu'bah." Lalu 'Urwah pun berkata: "Wahai orang yang tidak boleh dipercayai! Tidakkah baru semalam aku basuh kesalahanmu?"

Kata Ibn Hisyam: Tujuan 'Urwah berkata begitu untuk menyindir bahawa al-Mughirah sebelum memeluk Islam telah membunuh tiga belas orang dari Bani Malik ibn Thaqif, sehingga menimbulkan peperangan di antara dua suku Thaqif iaitu suku Malik keluarga yang terbunuh dan suku at-Ahlaf keluarga al-Mughirah, dan 'Urwahlah yang telah membayar tiga belas diat bagi pihak al-Mughirah kepada keluarga yang terbunuh, dan dengan bayaran ini selesailah pertikaian itu.

Kata Ibn Ishaq: Kata az-Zuhri: Lalu Rasulullah s.a.w. menerangkan kepada 'Urwah, sebagaimana beliau telah menerangkan kepada sahabat-sahabatnya yang telah lepas. Beliau memberitahu kepadanya bahawa maksud kedatangan beliau bukanlah untuk berperang. Selepas itu ia pun meninggalkan Rasulullah setelah melihat bagaimana setia dan hormatnya sahabat-sahabat beliau terhadapnya sehingga beliau mengambil wudhu' mereka pun terus mengambil wudhu', dan bagaimana mereka berebut-rebut menyambut ludahnya apabila beliau meludah, dan berebut-rebut mengambil rambutnya apabila gugur dari kepalanya. 'Urwah pulang mendapatkan kaum Quraysy dan berkata kepada mereka: "Wahai kaum Quraysy! Aku pernah menemui Kisra (raja Parsi) yang memerintah kerajaannya dan Qaisar (raja Rom) yang memerintah kerajaannya dan al-Najasi (raja Habsyah) yang memerintah kerajaannya, tetapi aku tidak pernah melihat seorang raja pada mana-mana kaum seperti Muhammad di kalangan sahabat-sahabatnya. Aku dapati mereka sama sekali tidak akan menyerahkan Muhammad kepada sesiapa pun. Oleh itu, fikirlah baik-baik."

Kata Ibn Ishaq: Kami telah diceritakan oleh setengah-setengah Ahli Ilmu bahawa Rasulullah s.a.w. telah memanggil Khirasy ibn Umaiyah al-Khuza'i dan mengirimkannya sebagai utusan kepada kaum Quraysy di Makkah. Beliau menyuruhnya menunggang unta kepunyaannya yang bernama ath-Tha'lab untuk menyampaikan kepada pembesar-pembesar Quraysy maksud kedatangannya. Tiba-tiba mereka menyembelih unta Rasulullah s.a.w. itu dan cuba membunuh Khirasy tetapi ditahan oleh orang Hubsyi,[7] kemudian mereka membebaskannya pulang mendapatkan Rasulullah s.a.w.

Kata Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh setengah-setengah orang yang saya percaya dari 'Ikrimah maula Ibn 'Abbas dari Ibn 'Abbas katanya: Kaum Quraysy telah menghantar empat puluh atau lima puluh orang dari mereka. Mereka diperintah mengelilingi tempat perkhemahan askar Rasulullah s.a.w. untuk menyerang salah seorang dari sahabat-sahabat beliau, tetapi sekalian mereka telah ditangkap oleh tentera-tentera Islam, lalu dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Tetapi beliau telah memaaf dan membebaskan mereka. Mereka telah melontar tentera Rasulullah s.a.w. dengan batu dan anak panah.

---

[6] *Di dalam riwayat ini terdapat kata-kata Abu Bakr yang kami merasa tidak logik keluar dari mulut beliau yang terkenal beradab sopan dan baik tutur katanya.*

[7] *Orang-orang Hulays dan Kampung Hubsyi nama sebuah desa Badwi di padang pasir.*

Kemudian Rasulullah s.a.w. memanggil 'Umar ibn al-Khattab untuk dihantarkannya sebagai utusannya ke Makkah untuk menyampaikan kepada pembesar-pembesar Quraysy maksud kedatangannya. Lalu 'Umar berkata: "Wahai Rasulullah! Saya bimbang orang-orang Quraysy akan bertindak terhadap diri saya, sedangkan di Makkah tidak ada seorang pun dari Bani 'Adi ibn Ka'b yang dapat mempertahankan keselamatan saya, kerana orang-orang Quraysy tahu sejauh mana permusuhan dan kekasaran saya terhadap mereka. Tetapi saya dapat tunjukkan kepada anda seorang yang lebih kuat kedudukannya dari saya iaitu 'Uthman ibn 'Affan." Lalu Rasulullah s.a.w. memanggil 'Uthman ibn 'Affan dan mengirimkannya untuk menemui Abu Sufyan dan pembesar-pembesar Quraysy, dan memberitahu mereka bahawa kedatangan beliau bukanlah untuk berperang, tetapi hanya untuk menziarahi Baitullah dan menghormati kesuciannya.

Kata Ibn Ishaq: Lalu 'Uthman keluar menuju ke Makkah dan dia telah ditemui oleh Aban ibn Sa'id al-As ketika dia memasuki Makkah atau sebelum ia memasukinya, lalu didokongnya kemudian diberi perlindungan kepadanya sehingga ia selesai menyampaikan perutusan Rasulullah s.a.w. Kemudian 'Uthman meneruskan perjalanannya sehingga bertemu dengan Abu Sufyan dan pembesar-pembesar Quraysy yang lain dan menyampaikan perutusan Rasulullah s.a.w. kepada mereka. Kemudian mereka berkata kepada 'Uthman setelah ia selesai menyampaikan perutusan itu: "Jika anda hendak tawaf, silalah tawaf!" Jawab 'Uthman: "Saya tidak akan tawaf sehingga Rasulullah s.a.w. tawaf." Setelah itu kaum Quraysy menahan 'Uthman di sisi mereka. Kemudian Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam mendapat berita bahawa 'Uthman ibn 'Affan telah dibunuh.

Kata Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Abdullah ibn Abu Bakr bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda apabila sampai kepadanya berita 'Uthman telah dibunuh: "Kita tidak akan berhenti berjuang sehingga kita dapat mengalahkan kaum ini." Lalu Rasulullah s.a.w. menyeru orang-orang Islam mengadakan perjanjian setia. Itulah Bai'atur Ridhwan (Perjanjian Setia ar-Ridhwan) yang diadakan di bawah sepohon pokok kayu. Ada orang-orang yang berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah berjanji setia dengan mereka untuk mati dalam perjuangan, tetapi Jabir ibn Abdullah berkata: "Rasulullah s.a.w. tidak berjanji dengan kami untuk mati dalam perjuangan, tetapi berjanji setia dengan kami untuk tidak lari dalam perjuangan." Rasulullah s.a.w. telah mengikat perjanjian setia dengan mereka. Dan tiada seorang pun dari orang-orang Islam itu yang tidak hadir memberi janji setianya melainkan al-Jid ibn Qais saudara Bani Salamah. Jabir ibn Abdullah mencerita: Aku masih ternampak-nampak al-Jid bersembunyi di bawah untanya untuk melindungi dirinya dari orang ramai." Kemudian sampailah berita yang sebenar kepada Rasulullah s.a.w. bahawa cerita 'Uthman telah dibunuh oleh orang-orang Quraysy itu adalah tidak benar.

Kata Ibn Hisyam: Saya telah diceritakan oleh orang yang dipercayai oleh saya. Dia diceritakan oleh orang yang menceritakan kepadanya dengan isnadnya dari Ibn Abu Mulaykah dari Ibn 'Umar bahawa Rasulullah s.a.w. telah membuat janji setia bagi pihak 'Uthman dengan menjabatkan sebelah tangannya dengan sebelah tangannya yang satu lagi.

Kata Ibn Ishaq: Kata az-Zuhri: Kemudian Quraysy mengirim Suhayl ibn 'Amr saudara Bani 'Amir ibn Lu'ai untuk menemui Rasulullah s.a.w. Mereka berkata kepadanya: "Pergilah bertemu dengan Muhammad dan adakan perjanjian damai dengannya dengan syarat dia kembali dahulu (tidak memasuki Makkah) pada tahun ini. Demi Allah, kita tidak mahu sekali-kali orang-orang Arab akan bercakap-cakap tentang kita apabila Muhammad memasuki Makkah dengan kekerasan." Lalu Suhayl pun datang untuk menemui Rasulullah s.a.w. Apabila beliau melihatnya beliau pun bersabda: "Mereka sekarang mahu berdamai apabila mereka menghantarkan orang ini." Selepas Suhayl bertemu dengan Rasulullah s.a.w., dia pun bercakap panjang dan kedua-dua pihak itu telah bertolak ansur dan akhirnya tercapailah persetujuan damai.

Setelah persetujuan itu dicapai kecuali surat perjanjian sahaja lagi yang belum ditulis, 'Umar (yang tidak puas hati dengan persetujuan itu) telah meluru menemui Abu Bakr dan berkata kepadanya: "Wahai Abu Bakr! Bukankah beliau Rasulullah?" Jawab Abu Bakr: "Ya, benar." 'Umar berkata lagi: "Bukankah kita sekalian orang-orang Muslim?" "Ya benar." 'Umar berkata lagi: "Bukankah mereka orang-orang Musyrikin?" Jawab Abu Bakr: "Ya, benar." 'Umar berkata lagi: "Jika begitu, mengapa kita diberi kedudukan yang hina dalam agama kita?" Jawab Abu Bakr: "Wahai 'Umar! Patuhlah kepada perintah beliau! Sesungguhnya aku mengaku bahawa beliau adalah Rasulullah."Jawab 'Umar: "Aku juga mengaku beliau adalah Rasulullah." Kemudian 'Umar menemui Rasulullah s.a.w. sendiri dan berkata: "Bukankah anda Rasulullah?" Jawab beliau: "Ya, benar." 'Umar berkata lagi: "Bukankah kami sekalian orang-orang Muslim?" Jawab beliau: 'Ya, benar." 'Umar berkata lagi: "Bukankah mereka semuanya orang-orang Musyrikin?" Jawab beliau: 'Ya, benar." 'Umar berkata lagi: "jika begitu, mengapa kita diberi kedudukan yang hina dalam agama kita?" Jawab beliau: "Aku hanya hamba Allah dan Rasul-Nya, aku tidak akan melanggar perintah-Nya dan Dia tidak akan mengecewakanku." Kata rawi: 'Umar telah berkata:, "Sejak itu aku tidak putus-putus bersedekah, bersembahyang, berpuasa dan membebaskan hamba kerana bimbang kepada perkataan-perkataan yang telah aku ucapkannya itu, sedangkan aku mengharapkan perkataan-perkataan itu mendatangkan kebaikan."

Kata rawi: Kemudian Rasulullah s.a.w. memanggil Ali r.a. dan bersabda kepadanya, "Tulislah بسم الله الرحمن الرحيم " Jawab Suhayl "Ini saya tidak tahu, tetapi tulislah "باسمك اللهم" Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Tulislah باسمك اللهم", lalu Ali pun menulis perkataan itu. Kemudian beliau bersabda: "Tulislah! Inilah perjanjian damai di antara Muhammad Rasulullah dan Suhayl ibn 'Amr. Kata rawi: Kata Suhayl: "Jika saya akui anda sebagai Rasulullah tentulah saya tidak memerangi anda. Oleh itu, tulislah nama anda dan nama bapa anda sahaja. Kata rawi: Lalu Rasulullah bersabda: "Tulislah! "Inilah perjanjian damai di antara Muhammad ibn Abdullah dan Suhayl ibn 'Amr. Kedua-dua pihak telah bersetuju mengadakan gencatan senjata selama sepuluh tahun, iaitu tempoh hidup aman dan tidak serang menyerang terhadap satu sama lain. Juga bersetuju bahawa mana-mana orang Quraysy yang masuk ke pihak Muhammad tanpa keizinan walinya hendaklah dikembalikan ke pihak Quraysy, dan mana-mana orang dari pihak Muhammad masuk ke pihak Quraysy tanpa keizinan walinya, maka pihak Quraysy tidak akan mengembalikannya kepada pihak Muhammad. Sesungguhnya kedua-dua pihak kami bersetuju tidak akan menceroboh satu sama lain, tidak akan melakukan sebarang pencurian dan pengkhianatan. Juga bersetuju bahawa barang siapa yang suka masuk ke dalam ikatan janji setia dengan pihak Muhammad, ia bebas masuk ke dalam ikatan itu, dan barang siapa yang suka masuk ke dalam ikatan janji setia dengan pihak Quraysy, ia bebas masuk, ke dalam ikatan itu." Sampai di sini Bani Khuza'at pun menyerbu, lalu berkata: "Kami mahu berikat setia dengan pihak Muhammad." Dan Bani Bakr juga menyeru dan berkata: "Kami mahu berikat setia dengan pihak Quraysy." (Kemudian beliau terus merencanakan lagi perjanjian itu.) "Juga bersetuju bahawa pihak anda (Muhammad) akan pulang pada tahun ini dan tidak akan memasuki Makkah, dan pada tahun hadapan pihak kami (Quraysy) akan keluar dari kota Makkah dan masa itu bolehlah anda dan sahabat-sahabat anda memasukinya dan tinggal di sana selama tiga hari. Pihak anda hanya dibenarkan membawa senjata seorang penunggang, dan semua pedang-pedang hendaklah dimasukkan ke dalam sarungnya, dan pihak anda tidak dibenarkan memasuki Makkah dengan senjata yang lain darinya.

Ketika Rasulullah s.a.w. dan Suhayl ibn 'Amr sedang sibuk menyiapkan surat perjanjian itu tiba-tiba Abu Jandal anak Suhayl ibn 'Amr yang dibelenggu dengan belenggu besi itu telah terlepas dan lari menuju kepada Rasulullah s.a.w. (Para sahabat Rasulullah telah keluar dari Madinah dengan penuh keyakinan akan mendapat kemenangan berdasarkan kepada mimpi Rasulullah s.a.w., tetapi apabila mereka melihat Rasulullah mengadakan perjanjian dan terpaksa pulang pada tahun ini dan melihat kesulitan-kesulitan yang dihadapi Rasulullah s.a.w., maka timbullah perasaan tidak puas hati dan kemusykilan yang besar di dalam hati mereka hingga hampir-hampir merosakkan mereka). Apabila Suhayl melihat anaknya Abu Jandal, ia terus mendapatkannya dan menampar mukanya serta memegang bajunya kemudian berkata: "Wahai Muhammad! Perjanjian di antara kita berdua telah pun dimeteraikan sebelum budak ini datang kepada anda." Jawab beliau: "Ya, betul." Lalu Suhayl pun menarik Abu Jandal untuk memulangkannya ke pihak Quraysy, sedangkan Abu Jandal berpekik dengan sekuat-kuatnya: "Wahai kaum Muslimin! Apakah aku dipulangkan kepada kaum Musyrikin yang akan menindaskan aku kerana agamaku?" Peristiwa ini telah menambahkan lagi perasaan tidak puas hati mereka. Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda kepada Abu Jandal: "Wahai Abu Jandal! Sabarlah! Dan dapatkan ganjaran dari Allah. Sesungguhnya Allah telah menyediakan kelepasan dan jalan keluar untuk engkau dan untuk orang-orang yang lemah yang ada bersama engkau. Kita telah pun mengada satu perjanjian damai dengan kaum Quraysy dan kita telah berjanji begitu dengan mereka dan mereka juga bersetuju mematuhinya dan kita tidak boleh memungkiri perjanjian dengan mereka." Kata rawi: 'Umar ibn al-Khattab pun tampil berjalan di samping Abu Jandal lalu berkata: "Sabarlah! wahai Abu Jandal! Mereka adalah kaum Musyrikin. Darah mereka adalah darah anjing." Kata rawi: Lalu 'Umar mendekatkan hulu pedang kepada Abu Jandal. Kata rawi: 'Umar berkata: "Ketika itu aku berharap Abu Jandal mengambil pedang itu dan menyerang bapanya, tetapi Abu jandal masih sayangkan bapanya[8] dan perkara itu pun selesai."

Setelah perjanjian itu selesai ditulis, maka ia disaksikan oleh tokoh-tokoh kaum Muslimin dan tokoh-tokoh kaum Musyrikin iaitu Abu Bakr as-Siddiq, 'Umar ibn al-Khattab, Abdul Rahman ibn 'Auf, Abdullah ibn Suhayl ibn 'Amr, Sa'd ibn Abu Waqqas, Mahmud ibn Maslamah dan Mukraz ibn Hafs (ketika itu dia masih Musyrik) dan Ali ibn Abu Talib yang menjadi penulis perjanjian itu.

Kata az-Zuhri: Apabila selesai perjanjian itu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada sahabat-sahabatnya, "Bangunlah kamu menyembelihkan unta-unta korban itu dan bercukurlah." Kata rawi: Demi Allah, tiada seorang pun yang bangun sehingga Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka tiga kali. Dan apabila tiada seorang pun yang bangkit, beliau pun masuk menemui isterinya Ummu Salamah r.a. dan menceritakan keadaan mereka kepadanya. Lalu Ummu Salamah pun berkata: "Wahai Nabi Allah! Adakah anda suka begitu? Eloklah anda keluar dan jangan bercakap sepatah pun kepada sesiapa sehingga anda menyembelihkan unta korban itu dan memanggil tukang cukur supaya mencukur kepala anda." Lalu Rasulullah s.a.w. pun keluar dengan tidak bercakap sepatah pun dan terus menyembelihkan unta dengan tangannya sendiri. Kemudian beliau memanggil tukang cukur supaya mencukurkan

---

[8] *Diriwayatkan dari Abu Jandal bahawa keengganannya untuk menetakkan bapanya ialah kerana memelihara perjanjian Rasulullah s.a.w. bukannya kerana sayangkan bapanya.*

kepalanya. Apabila mereka melihat Rasulullah s.a.w. berbuat demikian, mereka sekalian pun bangun dan menyembelih unta-unta korban itu dan bergilir-gilir mencukur kepala mereka. Mereka hampir-hampir bergaduh kerana terlalu dukacita dan tidak puas hati.

Kata Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Abdullah ibn Najih dari Mujahid dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Pada hari Perjanjian Hudaybiyah itu ada orang-orang yang bercukur dan ada pula yang bergunting, lalu Rasulullah s.a.w. berdo'a: 'Ya Allah! Cucurkanlah rahmat-Mu ke atas orang-orang yang bercukur." Lalu mereka bertanya: "Wahai Rasulullah! Bagaimana pula dengan orang-orang yang bergunting? "Jawab beliau: "Ya Allah! Cucurkanlah rahmat-Mu ke atas orang-orang yang bercukur." Mereka berkata lagi: "Wahai Rasulullah! Bagaimana pula dengan orang-orang yang bergunting?" Lalu mereka bertanya, "Wahai Rasulullah! Mengapakah anda lebihkan do'a rahmat itu ke atas orang-orang yang bercukur dan tidak ke atas orang-orang yang bergunting?" Jawab beliau: "Kerana mereka tidak ragu-ragu."

Kata az-Zuhri dalam ceritanya: Kemudian Rasulullah s.a.w. pun mengubahkan haluannya untuk pulang dan di tengah jalan di antara Makkah dan Madinah turunlah Surah al-Fath.

Menurut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya dari Majma' ibn Harith al-Ansari r.a., salah seorang dari qari yang membaca Al-Qur'an, katanya: Kami hadir di Hudaybiyah, dan apabila kami meninggalkannya tiba-tiba ramai orang memacukan unta-unta mereka dengan cepat. Mereka tertanya-tanya satu sama lain. Mengapa orang-orang itu berbuat begitu? Jawab setengah-setengah mereka. Rasulullah s.a.w. telah mendapat wahyu. Lalu kami pun dengan segera keluar bersama mereka. Tiba-tiba kami dapati Rasulullah s.a.w. berada di atas kenderaannya di Kura'il-ghamim. Orang ramai telah mengerumuninya, lalu beliau membaca kepada mereka:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾

*"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu satu kemenangan yang amat nyata."(1)*

Kata rawi: Ada seorang lelaki dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah itu kemenangan?" Jawab beliau: "Ya, demi nyawa Muhammad di tangan-Nya, itulah kemenangan."

Menurut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya dari 'Umar ibn al-Khattab r.a. katanya: Kami bersama-sama Rasulullah s.a.w. dalam satu perjalanan. Katanya: Aku bertanya beliau mengenai satu perkara sebanyak tiga kali, tetapi beliau diam tidak menjawab lalu aku berkata kepada diriku sendiri: Dukacitalah ibumu kerana kematianmu[9] engkau telah bertanya Rasulullah s.a.w. berulang-ulang kali, tetapi beliau diam tidak menjawab: Kata 'Umar: Aku pun menunggang kenderaanku dan berjalan ke depan kerana aku bimbang ada ayat-ayat yang turun mengenai diriku. Kata 'Umar: Tiba-tiba ada orang memanggil namaku "Wahai 'Umar!" "Aku pun berpatah balik dan aku fikir tentu ada ayat yang diturun mengenai diriku. Kata 'Umar: "Tiba-tiba Nabi s.a.w. bersabda kepada aku: "Semalam telah turun kepadaku satu surah yang lebih aku cintainya dari dunia dan segala isinya iaitu Surah al-Fath:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾ لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنۢبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari, at-Tirmizi dan al-Nasa'i dari beberapa saluran dari Malik Rahimahullah.

******

Inilah suasana semasa turunnya surah ini. Dan dalam suasana inilah jiwa Rasulullah s.a.w. begitu tenang menerima ilham dari Allah. Beliau mengosongkan jiwanya dari segala kehendak dan kemahuannya melainkan kehendak iradat yang disarankan ilham Ilahi yang tinggi. Dari saranan-saranan ini beliau mencari Ilham dalam setiap langkah dan geraknya. Ketenteraman beliau tidak dapat digugat sebarang cabaran sama ada dari orang-orang Musyrikin atau dari sahabat-sahabatnya yang pada mulanya tidak tenang dalam menghadapi cabaran-cabaran orang-orang Musyrikin dan keangkuhan jahiliyah mereka. Kemudian Allah menurunkan rasa ketenteraman ke dalam hati mereka, lalu mereka kembali redha, yakin, patuh dan menerima segala perintah dengan penerimaan yang ikhlas dan dengan keinsafan yang mendalam seperti yang ditunjukkan oleh saudara-saudara mereka yang terus bersikap tenang dari sejak awal-awal lagi seperti Abu Bakr as-Siddiq yang tidak pernah putus hubungan jiwanya dengan jiwa Rasulullah s.a.w. walau sesa'at pun, oleh kerana itu dia selama-lamanya tenang dan yakin.

Oleh kerana itu ayat pembukaan surah ini menyampaikan berita gembira kepada Rasulullah s.a.w. dan beliau telah menyambutnya dengan kegembiraan yang amat mendalam:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾
لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنۢبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢﴾

---

[9] *Kata-kata yang biasa diucapkan oleh orang Arab untuk menyatakan kehampaan.*

وَيَنصُرَكَ ٱللَّهُ نَصۡرًا عَزِيزًا ﴿٣﴾

*"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu satu kemenangan yang amat nyata(1). Agar Allah mengampunkan dosa-dosa engkau yang telah lalu dan dosa-dosa engkau yang kemudian dan menyempurnakan ni'mat-Nya kepadamu dan memberi hidayat kepadamu ke jalan yang lurus(2). Dan agar Allah memberi pertolongan yang kuat kepadamu."(3)*

Begitu juga ayat pembukaan surah ini mengumumkan pengurniaan ni'mat ketenteraman hati dan mengumumkan pengakuan Allah terhadap iman mereka yang telah lalu di samping menyampaikan berita gembira bahawa mereka dikurniakan keampunan, balasan pahala dan pertolongan Allah dengan bala tentera-Nya:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لِيَزۡدَادُوٓاْ
إِيمَٰنٗا مَّعَ إِيمَٰنِهِمۡۗ وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ﴿٤﴾
لِّيُدۡخِلَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا
ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَيُكَفِّرَ عَنۡهُمۡ سَيِّـَٔاتِهِمۡۚ وَكَانَ
ذَٰلِكَ عِندَ ٱللَّهِ فَوۡزًا عَظِيمٗا ﴿٥﴾

*"Dialah yang telah menurunkan ketenteraman di dalam hati orang-orang yang beriman supaya bertambah kuat keimanan mereka di samping keimanan yang telah sedia ada. Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(4). Agar Dia memasukkan orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai di mana mereka hidup kekal abadi dan agar Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Dan balasan sedemikian adalah satu kemenangan yang amat besar di sisi Allah."(5)*

Di samping itu dijelaskan pula kemurkaan dan 'azab yang disediakan Allah kepada musuh-musuh mereka dari orang-orang Munafiq lelaki dan perempuan dan dari kaum Musyrikin lelaki dan perempuan:

وَيُعَذِّبَ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ وَٱلۡمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلۡمُشۡرِكِينَ
وَٱلۡمُشۡرِكَٰتِ ٱلظَّآنِّينَ بِٱللَّهِ ظَنَّ ٱلسَّوۡءِۚ عَلَيۡهِمۡ
دَآئِرَةُ ٱلسَّوۡءِۖ وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡ وَلَعَنَهُمۡ وَأَعَدَّ لَهُمۡ
جَهَنَّمَۖ وَسَآءَتۡ مَصِيرٗا ﴿٦﴾

*"Dan agar Dia mengazabkan orang-orang Munafiq lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrik lelaki dan perempuan yang menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah. Mereka akan ditimpa lingkaran malapetaka yang buruk, dan Allah telah murka dan mengutukkan mereka dan menyediakan Neraka Jahannam untuk mereka, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(6)*

Kemudian disebutkan pula peristiwa perjanjian setia dengan Rasulullah s.a.w. dan menganggapkannya sebagai perjanjian setia dengan Allah. Al-Qur'an menghubungkan hati orang-orang Mu'min secara langsung dengan Allah menerusi perjanjian itu, iaitu satu perhubungan secara langsung dengan Allah Yang Maha Hidup, Maha Kekal tidak mati:

إِنَّآ أَرۡسَلۡنَٰكَ شَٰهِدٗا وَمُبَشِّرٗا وَنَذِيرٗا ﴿٨﴾
لِّتُؤۡمِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُۚ
وَتُسَبِّحُوهُ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلًا ﴿٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ يَدُ ٱللَّهِ
فَوۡقَ أَيۡدِيهِمۡۚ فَمَن نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنكُثُ عَلَىٰ نَفۡسِهِۦۖ
وَمَنۡ أَوۡفَىٰ بِمَا عَٰهَدَ عَلَيۡهُ ٱللَّهَ فَسَيُؤۡتِيهِ أَجۡرًا
عَظِيمٗا ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya Kami telah utuskan engkau sebagai saksi dan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran(8). Agar kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan agar kamu memulia dan membesarkan-Nya dan agar kamu mentasbihkan-Nya pagi dan petang(9). Sesungguhnya orang-orang yang berjanji setia denganmu adalah sebenarnya mereka berjanji setia dengan Allah. Tangan kesetiaan Allah di atas tangan mereka. Barang siapa yang memungkiri janji setia, maka sesungguhnya ia menimpakan akibat kemungkirannya ke atas dirinya sendiri, dan barang siapa yang menyempurnakan janji setianya kepada Allah, maka Allah akan mengurniakan-nya pahala yang amat besar."(10)*

Sesuai dengan pembicaraan mengenai perjanjian setia dan perbuatan melanggar perjanjian setia dan sebelum menghabiskan cerita orang-orang yang beriman dan sikap mereka di Hudaybiyah, Al-Qur'an berpaling sebentar mengisahkan cerita orang-orang, Arab Badwi yang tidak ikut berperang bersama-sama Rasulullah s a.w. Ia mendedahkan alasan-alasan keuzuran mereka dan perasaan jahat sangka yang tersimpan di dalam hati mereka terhadap Allah, juga hasrat hati mereka supaya Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya ditimpa kebinasaan. Di samping itu, Al-Qur'an mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mengambil sikap yang tegas terhadap mereka pada masa hadapan. Semuanya itu diterangkan dengan cara yang membayangkan kekuatan kaum Muslimin dan kelemahan orang-orang yang tidak ikut berperang. Di samping itu, Al-Qur'an juga membayangkan bahawa mereka akan mendapat harta-harta rampasan perang dan kemenangan-kemenangan yang tidak lama lagi akan dicapai mereka, iaitu harta-harta dan kemenangan yang mengiurkan orang-orang yang tidak turut berperang

atau orang-orang yang berlengah-lengah keluar berperang:

سَيَقُولُ لَكَ ٱلْمُخَلَّفُونَ مِنَ ٱلْأَعْرَابِ شَغَلَتْنَآ أَمْوَٰلُنَا وَأَهْلُونَا فَٱسْتَغْفِرْ لَنَا ۚ يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِم مَّا لَيْسَ فِى قُلُوبِهِمْ ۚ قُلْ فَمَن يَمْلِكُ لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًۢا ۚ بَلْ كَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًۢا ﴿١١﴾

بَلْ ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَنقَلِبَ ٱلرَّسُولُ وَٱلْمُؤْمِنُونَ إِلَىٰٓ أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَزُيِّنَ ذَٰلِكَ فِى قُلُوبِكُمْ وَظَنَنتُمْ ظَنَّ ٱلسَّوْءِ وَكُنتُمْ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٢﴾

وَمَن لَّمْ يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ فَإِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَعِيرًا ﴿١٣﴾

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ يَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٤﴾

سَيَقُولُ ٱلْمُخَلَّفُونَ إِذَا ٱنطَلَقْتُمْ إِلَىٰ مَغَانِمَ لِتَأْخُذُوهَا ذَرُونَا نَتَّبِعْكُمْ ۖ يُرِيدُونَ أَن يُبَدِّلُوا۟ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ۚ قُل لَّن تَتَّبِعُونَا كَذَٰلِكُمْ قَالَ ٱللَّهُ مِن قَبْلُ ۖ فَسَيَقُولُونَ بَلْ تَحْسُدُونَنَا ۚ بَلْ كَانُوا۟ لَا يَفْقَهُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥﴾

قُل لِّلْمُخَلَّفِينَ مِنَ ٱلْأَعْرَابِ سَتُدْعَوْنَ إِلَىٰ قَوْمٍ أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ تُقَٰتِلُونَهُمْ أَوْ يُسْلِمُونَ ۖ فَإِن تُطِيعُوا۟ يُؤْتِكُمُ ٱللَّهُ أَجْرًا حَسَنًا ۖ وَإِن تَتَوَلَّوْا۟ كَمَا تَوَلَّيْتُم مِّن قَبْلُ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦﴾

*"Orang-orang Arab Badwi yang ponteng (dari berperang) akan berkata kepadamu: Kami telah dihalangi kesibukan menguruskan harta benda dan anak isteri kami. Oleh itu pohonkanlah keampunan Allah kepada kami. Mereka menyata dengan lidah mereka apa yang tidak ada di dalam hati mereka. Katakanlah: Siapakah yang memiliki kuasa yang dapat melindungi kamu dari kehendak Allah jika Dia hendak menimpakan sesuatu mudharat ke atas kamu atau hendak memberi sesuatu manfa'at kepada kamu? Bahkan Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(11). Bahkan kamu telah menyangka bahawa Rasul dan orang-orang Mu'min tidak akan kembali lagi kepada anak isteri mereka untuk selama-lamanya. Sangkaan itulah yang dihiaskan syaitan di dalam hati kamu dan kamu telah menaruh sangkaan yang buruk. Dan kamu telah menjadi satu kaum yang tandus binasa(12). Dan barang siapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Kami telah menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang-orang kafir(13). Dan Allah memiliki langit dan bumi. Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(14). Orang-orang yang ponteng itu akan berkata ketika kamu pergi untuk mengambil rampasan-rampasan perang: Biarlah kami ikut pergi bersama kamu. Mereka hendak mengubahkan ketetapan-ketetapan Allah. Katakanlah: Kamu tidak akan dibenarkan mengikut kami. Demikianlah Allah telah menetapkan keputusan-Nya sebelum ini. Mereka akan berkata: Sebenarnya kamu dengkikan kami. Sebenarnya mereka tidak faham melainkan hanya sedikit sahaja(15). Katakanlah kepada orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu: Kamu akan diseru menghadapi satu kaum yang amat kuat supaya kamu memerangi mereka hingga mereka menyerah kalah. Jika kamu mematuhi (seruan ini) nescaya Allah mengurniakan kepada kamu pahala yang baik, dan jika kamu berpaling sebagaimana kamu telah berpaling sebelum ini nescaya Allah akan mengazabkan kamu dengan 'azab yang amat pedih."(16)*

Dalam hubungan ini, Al-Qur'an menyatakan kepada orang-orang yang uzur dan orang-orang yang dimaafkan dari kewajipan berjihad:

لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ وَمَن يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

*"Tidak menjadi kesalahan kepada orang yang buta, tidak menjadi kesalahan kepada orang yang pincang dan tidak menjadi kesalahan kepada orang yang sakit (apabila mereka tidak ikut berperang). Dan barang siapa yang ta'atkan Allah dan Rasul-Nya nescaya Allah memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan barang siapa yang berpahng nescaya Allah akan mengazabkan-Nya dengan 'azab yang amat pedih."(17)*

Selepas penjelasan selingan ini, ayat-ayat yang berikut menyambung pula cerita orang-orang yang beriman dan sikap mereka dan perasaan mereka di Hudaybiyah. Dan seluruh cerita ku membayangkan kepuasan, keunggulan, kecemerlangan dan penghormatan Allah kepada mereka, dan seturuh cerita itu juga merupakan berita-berita gembira kepada orang-orang yang beriman yang telah

menunjukkan keikhlasan, keimanan yang kuat dan kesanggupan berkorban apa sahaja itu. Allah telah memperlihatkan keredhaan, menyatakan berita-berita gembira dari-Nya, ni'mat-ni'mat pengurniaan-Nya dan pemantapan pendirian dari limpah kurnia-Nya kepada kumpulan manusia yang terpilih ini. Allah menyatakan bahawa dia hadir bersama mereka ketika diadakan perjanjian setia di satu tempat yang tertentu, iaitu di bawah sepohon pokok. Allah menyatakan dia redha terhadap mereka, dan telah menetapkan kemenangan-kemenangan dan harta-harta rampasan yang banyak untuk mereka pada masa mendatang. Kemudian Al-Qur'an menghubungkan semuanya itu dengan undang-undang alam yang tetap. Ini membayangkan bahawa peristiwa agung yang tunggal itu adalah disaksi dan dirakamkan oleh seluruh alam buana:

لَّقَدۡ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ إِذۡ يُبَايِعُونَكَ تَحۡتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمۡ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيۡهِمۡ وَأَثَٰبَهُمۡ فَتۡحٗا قَرِيبٗا ١٨

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةٗ يَأۡخُذُونَهَاۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمٗا ١٩

وَعَدَكُمُ ٱللَّهُ مَغَانِمَ كَثِيرَةٗ تَأۡخُذُونَهَا فَعَجَّلَ لَكُمۡ هَٰذِهِۦ وَكَفَّ أَيۡدِيَ ٱلنَّاسِ عَنكُمۡ وَلِتَكُونَ ءَايَةٗ لِّلۡمُؤۡمِنِينَ وَيَهۡدِيَكُمۡ صِرَٰطٗا مُّسۡتَقِيمٗا ٢٠

وَأُخۡرَىٰ لَمۡ تَقۡدِرُواْ عَلَيۡهَا قَدۡ أَحَاطَ ٱللَّهُ بِهَاۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٗا ٢١

وَلَوۡ قَٰتَلَكُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوَلَّوُاْ ٱلۡأَدۡبَٰرَ ثُمَّ لَا يَجِدُونَ وَلِيّٗا وَلَا نَصِيرٗا ٢٢

سُنَّةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِي قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلُۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلٗا ٢٣

*"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang Mu'min ketika mereka berjanji setia denganmu di bawah sepohon pokok dan Allah telah mengetahui perasaan yang ada di dalam hati mereka. Lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)(18). Serta harta rampasan yang banyak yang akan diambil mereka, dan Allah adalah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(19). Allah telah menjanjikan kepada kamu harta rampasan yang-banyak yang akan diambil kamu, lalu Dia menyegerakan rampasan ini untuk kamu dan Dia telah menahan tangan manusia dari membinasakan kamu agar ia menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman dan agar dia memimpin kamu ke jalan yang lurus(20). Dan (Allah telah menjanjikan) satu kemenangan yang lain yang kamu tidak berupaya mencapaikannya dengan kekuatan kamu, (tetapi) Allah telah menguasainya (untuk kamu) dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(21). Dan jika orang-orang yang kafir itu memerangi kamu nescaya mereka akan lari. Kemudian mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong mereka(22). Itulah Sunnatullah yang telah berlaku sebelum ini, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(23)*

Kemudian Allah menyatakan limpah Kurnia-Nya kepada orang-orang yang beriman itu dengan menghalangkan musuh mereka yang mahu membinasakan mereka dan mengecam musuh mereka yang telah menyekat mereka dari memasuki Masjidil-Haram dan menyekat unta-unta korban dari sampai ke tempat persembelihannya, di samping itu Allah menunjukkan kemesraan-Nya kepada mereka dengan mendedahkan hikmat di sebalik sekatan ini, dan dengan menurunkan rasa tenteram ke dalam hati mereka. Semuanya itu kerana rahsia yang diketahui-Nya iaitu rahsia kemenangan mereka menakluk Makkah dan kemenangan Islam yang dapat mengatasi segala agama yang lain yang akan berlaku dengan kehendak dan tadbir-Nya:

وَهُوَ ٱلَّذِي كَفَّ أَيۡدِيَهُمۡ عَنكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ عَنۡهُم بِبَطۡنِ مَكَّةَ مِنۢ بَعۡدِ أَنۡ أَظۡفَرَكُمۡ عَلَيۡهِمۡۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرًا ٢٤

هُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَصَدُّوكُمۡ عَنِ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ وَٱلۡهَدۡيَ مَعۡكُوفًا أَن يَبۡلُغَ مَحِلَّهُۥۚ وَلَوۡلَا رِجَالٞ مُّؤۡمِنُونَ وَنِسَآءٞ مُّؤۡمِنَٰتٞ لَّمۡ تَعۡلَمُوهُمۡ أَن تَطَـُٔوهُمۡ فَتُصِيبَكُم مِّنۡهُم مَّعَرَّةُۢ بِغَيۡرِ عِلۡمٖۖ لِّيُدۡخِلَ ٱللَّهُ فِي رَحۡمَتِهِۦ مَن يَشَآءُۚ لَوۡ تَزَيَّلُواْ لَعَذَّبۡنَا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡهُمۡ عَذَابًا أَلِيمًا ٢٥

إِذۡ جَعَلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلۡحَمِيَّةَ حَمِيَّةَ ٱلۡجَٰهِلِيَّةِ فَأَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَأَلۡزَمَهُمۡ كَلِمَةَ ٱلتَّقۡوَىٰ وَكَانُوٓاْ أَحَقَّ بِهَا وَأَهۡلَهَاۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٗا ٢٦

لَّقَدۡ صَدَقَ ٱللَّهُ رَسُولَهُ ٱلرُّءۡيَا بِٱلۡحَقِّۖ لَتَدۡخُلُنَّ

ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ ۖ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا۟ فَجَعَلَ مِن دُونِ ذَٰلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٢٧﴾ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

*"Dan Dialah yang telah menahan tangan mereka dari menyerang kamu dan tangan kamu dari menyerang mereka di tengah-tengah kota Makkah setelah Allah memenangkan kamu ke atas mereka, dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(24). Merekalah orang-orang yang kafir dan mereka telah menghalangkan kamu dari memasuki Masjidil-Haram dan menyebabkan unta-unta korban tertahan dari sampai ke tempat penyembelihannya. Andainya tidak kerana adanya lelaki-lelaki yang beriman dan perempuan-perempuan yang beriman (di Makkah) yang tidak diketahui kamu yang dibimbangi kamu akan membunuh mereka dan menyebabkan kamu ditimpa dosa tanpa pengetahuan (tentulah kamu diizinkan memerangi mereka). Ini ialah kerana Allah hendak memasukkan orang-orang yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya. Jika mereka (penduduk Makkah yang beriman dan yang kafir) itu terasing dengan jelas, tentulah Kami 'azabkan orang-orang kafir dari kalangan mereka dengan 'azab yang amat pedih(25). (Kenangilah) ketika Allah menjadikan orang-orang kafir (berkobar-kobar) dengan semangat fanatik di dalam hati mereka, iaitu semangat fanatik jahiliyah, lalu Allah turunkan ketenteraman-Nya ke atas Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min serta mewajibkan mereka berpegang teguh dengan kalimat taqwa, kerana merekalah orang-orang yang amat wajar dengan kalimah itu dan merekalah pendokongnya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(26). Sesungguhnya Allah tetap membuktikan kepada Rasul-Nya kebenaran mimpinya, iaitu kamu akan memasuki Masjidil-Haram, insya Allah, dengan aman dan damai, di mana kamu mencukur dan mengguntingkan kepala kamu dan kamu tidak akan merasa apa-apa ketakutan, kerana Allah mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya. Lalu Allah jadikan sebelum itu satu kemenangan yang dekat (perjanjian perdamaian Hudaybiyah)(27). Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya dengan membawa hidayat dan agama yang benar agar Dia meninggikannya mengatasi seluruh agama yang lain. Dan cukuplah Allah itu menjadi saksi."(28)*

Kemudian surah ini diakhiri dengan menyebut sifat-sifat cemerlang dan istimewa yang membezakan kumpulan Mu'min yang terpilih itu dari manusia yang lain. Sifat-sifat itu juga disebut di dalam kitab-kitab suci yang telah lalu iaitu di dalam Taurat dan Injil. Dan pada akhirnya, ditamatkan dengan janji Allah Yang Maha Pemurah iaitu janji pengurniaan keampunan dan pahala yang besar:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِى ٱلْإِنجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسْتَغْلَظَ فَٱسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنْهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًۢا ﴿٢٩﴾

*"Muhammad adalah Rasulullah dan orang-orang yang bersama dengannya adalah bersifat tegas dan keras terhadap orang-orang yang kafir dan bersifat kasih mesra terhadap sesama mereka. Engkau lihat mereka rukuk dan sujud (mendirikan solat) kerana mencari limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya. Tanda kesalihan mereka ternampak jelas pada wajah-wajah mereka dari kesan sujud. Itulah sifat mereka di dalam Taurat dan sifat mereka di dalam Injil iaitu mereka laksana pokok tanaman yang mengeluarkan tunas-tunasnya, lalu ia menguatkannya dan ia menjadi kian membesar dan kasar dan akhirnya tegak di atas batangnya, menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dengan kekuatan, mereka. Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh di kalangan mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(29)*

Demikianlah ayat-ayat surah ini dapat difaham dengan jelas dan hidup dalam suasana turunnya. Ia menggambarkan suasana itu dengan gambaran yang gagah mengikut uslub istimewa Al-Qur'an, iaitu ia tidak memperincikan peristiwa-peristiwa itu dengan tertibnya yang teratur, tetapi ia hanya menyebut pandangan-pandangan sepintas yang mengandungi bimbingan dan didikan. Ia menghubungkan sesuatu peristiwa atau suatu dasar yang syumul atau sesuatu situasi yang khusus dengan peraturan Allah yang umum yang meliputi seluruh alam buana. Ia berbicara dengan jiwa dan hati manusia dengan caranya yang tersendiri.

******

Dari penerangan ayat-ayat di dalam surah ini dan suasana-suasananya dan dari perbandingan di antara saranan-saranan surah ini dengan saranan-saranan surah sebelumnya dalam tertib mushaf, ternyata sejauh mana perubahan-perubahan yang mendalam yang telah berlaku kepada kelompok pertama Islam itu dalam masa tiga tahun, iaitu tempoh senggang yang wujud di antara dua surah ini menurut tarjih kami. Dan dari sini juga ternyata sejauh mana pengaruh Al-Qur'anul-Karim dan kesan didikan nubuwah kepada kelompok pertama Islam itu yang tumbuh dan subur di bawah naungan Al-Qur'an dan di bawah bimbingan Nabi hingga berjaya

menunjukkan contoh-contoh yang amat gemilang di dalam sejarah manusia yang panjang.

Dari suasana Surah al-Fath ini dan dari saranan-sarananannya, jelaslah bahawa kita sedang berdepan dengan satu kelompok Islam yang mempunyai kefahaman yang matang terhadap 'aqidah Islam. Keimanan mereka berada dalam satu taraf yang sama. Jiwa mereka yakin dan tenteram memikul tugas-tugas agama. Mereka tidak lagi memerlukan kepada pemberangsangan-pemberangsangan yang kuat untuk menggalakkan mereka menjunjung kewajipan-kewajipan agama yang memerlukan kepada pengorbanan harta dan jiwa, sebaliknya mereka memerlukan kepada orang yang dapat menurunkan sedikit semangat mereka yang terlalu berkobar-kobar itu dan mengawalkan perasaan mereka yang terlalu kuat supaya tenang dan bersedia berunding dan berdamai untuk beberapa waktu mengikut kebijaksanaan kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang tertinggi.

Mereka tidak lagi merupakan kelompok Islam yang dihadapkan dengan firman Allah seperti berikut:

فَلَا تَهِنُوا وَتَدْعُوا إِلَى السَّلْمِ وَأَنتُمُ الْأَعْلَوْنَ وَاللَّهُ مَعَكُمْ وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَالَكُمْ ﴿٣٥﴾

*"Janganlah kamu merasa lemah dan mengajak (orang-orang kafir) kepada perdamaian, sedangkan kamu golongan yang tertinggi dan Allah bersama kamu dan dia tidak akan mengurangkan pahala amalan kamu."*

(Surah Muhammad: 35)

هَا أَنتُمْ هَٰؤُلَاءِ تُدْعَوْنَ لِتُنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنكُم مَّن يَبْخَلُ ۖ وَمَن يَبْخَلْ فَإِنَّمَا يَبْخَلُ عَن نَّفْسِهِ ۚ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنتُمُ الْفُقَرَاءُ ۚ وَإِن تَتَوَلَّوْا يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوا أَمْثَالَكُم ﴿٣٨﴾

*"Ingatlah! Kamu sekalian adalah orang-orang yang diseru supaya membelanjakan harta untuk jalan Allah. Di antara kamu ada orang-orang yang bakhil dan barang siapa yang bakhil, maka bererti ia bakhil kepada dirinya sendiri. Dan Allah Maha Kaya dan kamu sekalian faqir belaka. Dan jika kamu berpaling dari (keimanan), maka Allah akan menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan setelah itu mereka tidak akan jadi seperti kamu."*

(Surah Muhammad: 38)

Mereka tidak lagi memerlukan kepada pemberangsangan-pemberangsangan yang kuat supaya bangkit berjihad dengan mengemukakan kedudukan para Syuhada dan balasan-balasan yang disediakan Allah untuk mereka atau dengan menerangkan hikmat ujian Allah dengan peperangan dan kesusahan-kesusahannya sebagaimana yang disebut dalam Surah Muhammad:

ذَٰلِكَ وَلَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَانتَصَرَ مِنْهُمْ وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَ بَعْضَكُم بِبَعْضٍ ۗ وَالَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَلَن يُضِلَّ أَعْمَالَهُمْ ﴿٤﴾ سَيَهْدِيهِمْ وَيُصْلِحُ بَالَهُمْ ﴿٥﴾ وَيُدْخِلُهُمُ الْجَنَّةَ عَرَّفَهَا لَهُمْ ﴿٦﴾

*"Demikianlah, dan jika Allah kehendaki nescaya Dia membinasakan mereka (tanpa peperangan), tetapi Allah hendak menguji kamu satu sama lain. Dan orang-orang yang dibunuh kerana Sabilullah, maka Allah tidak akan mensia-siakan amalan mereka. Allah akan memberi hidayat kepada mereka dan memperbaiki keadaan mereka. Dan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang telah diperkenalkannya kepada mereka."*

(Surah Muhammad: 4-6)

Yang dibicarakan di dalam surah ini ialah tentang rasa ketenteraman yang telah diturunkan Allah di dalam hati orang-orang Mu'min dengan tujuan meredakan perasaan mereka yang sedang bersemarak dan menenangkan semangat mereka yang berkobar-kobar serta mententeramkan hati mereka menerima keputusan Allah dan menerima kebijaksanaan Rasulullah dalam langkah-langkah berunding, berdamai dan bersikap lemah lembut dengan musuh. Ia juga membicarakan tentang keredhaan Allah terhadap orang-orang yang beriman yang telah mengadakan perjanjian setia di bawah sepohon pokok. Dan pada akhir surah ini dikemukakan gambaran yang gemilang mengenai Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya.

Adapun pembicaraan mengenai kesetiaan dan pelanggaran terhadap janji setia yang disebut dalam ayat:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۚ فَمَن نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهُ اللَّهَ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang berjanji setia denganmu adalah sebenarnya mereka berjanji setia dengan Allah. Tangan kesetiaan Allah di atas tangan mereka. Barang siapa yang memungkiri janji setia, maka sesungguhnya ia menimpakan akibat kemungkirannya ke atas dirinya sendiri dan barang siapa yang menyempurnakan janji setia kepada Allah, maka Allah akan mengurniakannya pahala yang amat besar"(10)*

maka saranannya lebih banyak dituju untuk memuliakan orang-orang yang telah memberi janji setia dan untuk membesar-besarkan peristiwa perjanjian setia itu sendiri. Dan mengenai perkara perlanggaran janji setia, maka ia disebut di dalam ayat ini kerana ada hubungannya dengan cerita orang-

orang Arab Badwi yang tidak ikut berperang. Begitu juga orang-orang Munafiq lelaki dan perempuan disebut dalam surah ini secara sepintas lalu sahaja untuk menunjukkan kelemahan kedudukan mereka dan untuk menunjukkan kebersihan, kematangan dan persamaan faham kelompok kaum Muslimin di Madinah. Mereka dibicarakan secara sepintas lalu sahaja tanpa mengambil ruang yang banyak sebagaimana mereka dibicarakan dalam Surah Muhammad, kerana ketika itu kaum Munafiqin dan sekutu-sekutu mereka orang-orang Yahudi mempunyai kedudukan yang agak kuat. Ini satu lagi perkembangan baru kedudukan kelompok Muslimin dari segi kedudukan luaran mereka yang selaras pula dengab perkembangan dalaman yang berlangsung di-dalam jiwa mereka.

Dari suasana surah ini juga dan ayat-ayatnya nampak jelas kekuatan kaum Muslimin dibandingkan dengan kekuatan kaum Musyrikin. Ayat-ayat yang menyebut tentang kemenangan-kemenangan yang akan datang, tentang keinginan orang-orang yang tidak ikut berperang untuk turut mendapat harta rampasan perang dan tentang mereka meminta maaf dan tentang masa depan agama Islam yang akan mengatasi seluruh agama yang lain adalah semuanya membayangkan sejauh mana kekuatan yang telah dicapai oleh kaum Muslimin dalam jangka masa di antara turunnya dua surah ini.

Setiap orang yang mengikuti perjalanan sejarah di dalam nas-nas Al-Qur'an dapat memahami bahawa satu perkembangan yang jelas telah berlaku di dalam jiwa kaum Muslimin, juga di dalam keadaan hidup mereka dan suasana-suasana yang melingkungi mereka. Di samping perkembangan ini mempunyai nilai-nilainya, ia juga menunjukkan sejauh mana kesan asuhan Al-Qur'an dan didikan Nabi Muhammad s.a.w. kepada kelompok Muslimin yang berbahagia dan unik di dalam sejarah itu. Seterusnya perkembangan ini menyarankan kepada pemimpin-pemimpin da'wah yang memimpin kumpulan manusia supaya jangan merasa bosan dengan kekurangan dan kelemahan mereka, jangan merasa bosan dengan keladak zaman silam dan warisan-warisannya, jangan merasa bosan dengan tekanan-tekanan alam sekitar, jangan merasa bosan dengan daya-daya penarik kehidupan duniawiyah dan hubungan darah daging. Kerana hal-hal ini semuanya kelihatan sangat kuat dan mendalam di permulaan zaman da'wah, tetapi berkat ketekunan, kebijaksanaan dan kesabaran dalam usaha merawati dan mengatasinya, maka ia akan beransur-ansur baik dan berubah. Pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian dapat menolong mem-percepatkan perubahan itu apabila kesempatan itu diambil untuk mendidik dan membimbing mereka. Demikianlah sedikit demi sedikit tekanan pengaruh kehidupan duniawi dan hubungan darah yang kuat itu semakin kurang, tekanan pengaruh alam sekitar juga semakin hilang, keladak-keladak zaman silam yang keruh itu semakin jernih dan pandangan hati mereka semakin tinggi sehingga mereka dapat melihat nur hidayat yang gemilang di ufuk yang jauh di sana. Dalam hubungan ini kita dapat mengikuti contoh teladan Rasulullah yang baik dan mengikuti cara-cara didikan Al-Qur'an yang lurus dan betul.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)**

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾

لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنۢبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ

عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢﴾

وَيَنصُرَكَ ٱللَّهُ نَصْرًا عَزِيزًا ﴿٣﴾

*"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu satu kemenangan yang amat nyata(1). Agar Allah mengampunkan dosa-dosa engkau yang telah lalu dan dosa-dosa engkau yang kemudian dan menyempurnakan ni'mat-Nya kepadamu dan memberi hidayat kepadamu ke jalan yang lurus(2). Dan agar Allah memberi pertolongan yang kuat kepadamu."(3)*

***Kesan-kesan Dari Perjanjian Hudaybiyah***

Surah ini dibuka dengan menyebut limpah kurnia Allah yang amat besar kepada Rasulullah s.a.w. iaitu kemenangan yang jelas, keampunan dan ni'mat yang sempurna, hidayat yang tetap dan pertolongan yang kuat. Itulah balasan kepada keyakinan dan ketenteraman, yang sempurna kepada ilham dan arahan-arahan Allah, balasan kepada sikap berserah kepada perintah Allah dengan penuh kerelaan, balasan kepada sikap mengosongkan jiwa qari segala kehendak keinginan peribadi dan balasan kepada kepercayaan yang mendalam kepada kawalan dan pemeliharaan Allah yang penuh mesra. Apabila Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi, beliau terus bertindak mengikut kehendak mimpinya. Apabila untanya melutut dan sahabat-sahabatnya berteriak "Qaswa' tidak dapat berjalan lagi," beliau berkata: "Bukan dia tidak dapat berjalan lagi, tetapi ia ditahan oleh kuasa yang menahan gajah (tentera Abrahah) dari memasuki Makkah. Apa sahaja yang dipinta kaum Quraysy pada hari ini dariku, yang bertujuan memelihara hubungan kekeluargaan akan ku berikan kepada mereka". Apabila 'Umar ibn al-Khattab berkata kepada beliau dengan perasaan keghairahan yang tidak mahu tunduk kepada orang-orang Musyrikin: "Mengapa kita diberi kedudukan yang hina di dalam agama kita?" Beliau menjawab: "Aku hanya hamba Allah dan Rasul-Nya. Aku tidak akan melanggar perintah-Nya dan Dia tidak akan mengecewakanku." Dan apabila khabar angin mengatakan bahawa 'Uthman telah dibunuh oleh orang-orang Musyrikin Makkah, beliau berkata: "Kita tidak akan berhenti berjuang sehingga kita dapat

mengalahkan kaum ini", beliau menyeru sahabat-sahabatnya mengadakan perjanjian setia, iaitu Perjanjian ar-Ridhwan yang mendatangkan sebesar-besar kebajikan kepada mereka.

Ini adalah satu kemenangan di samping satu kemeriangan yang lain dalam bentuk perjanjian perdamaian Hudaybiyah, yang kemudian diikuti pula oleh berbagai kemenangan di dalam berbagai-bagai bentuk iaitu:

Perdamaian Hudaybiyah merupakan kemenangan da'wah. Kata az-Zuhri: Tidak ada kemenangan yang telah dicapai Islam sebelum ini lebih besar dari kemenangan tercapainya perdamaian Hudaybiyah. Dahulu mereka berperang, kini mereka berdamai, mereka amankan satu sama lain, mereka dapat bertemu mata, berbincang dan berunding: Mana-mana orang yang diterangkan agama Islam kepadanya dan dapat memahaminya sedikit sebanyak akan terus memeluk Islam, kerana itu jumlah orang-orang yang memeluk Islam di dalam masa dua tahun (iaitu masa di antara perdamaian Hudaybiyah dan kemenangan menakluk Makkah) ialah sama ramai dengan jumlah kaum Muslimin sebelum perdamaian atau lebih ramai lagi.

Kata Ibn Hisyam: Bukti kebenaran pendapat az-Zuhri ialah Rasulullah s.a.w. telah keluar ke Hudaybiyah dahulu bersama seribu empat ratus orang Islam sahaja, menurut kata Jabir ibn Abdullah. Kemudian beliau keluar pada tahun kemenangan menakluk Makkah iaitu dua tahun selepas Perjanjian Hudaybiyah dengan membawa sepuluh ribu orang Islam.

Di antara tokoh-tokoh yang memeluk Islam dalam masa itu ialah Khalid ibn al-Walid dan 'Amr ibn al-'As.

Perjanjian Hudaybiyah juga merupakan kemenangan di bumi Semenanjung Tanah Arab. Orang-orang Muslimin meni'mati keamanan dari kejahatan orang-orang Quraysy. Dan ini memberi peluang kepada Rasulullah s.a.w. menumpukan usahanya ke arah membersihkan bumi Semenanjung Tanah Arab dari saki baki ancaman bahaya masyarakat Yahudi setelah dihalaunya Bani Qainuqa', Bani an-Nadhir dan Bani Quraydzah. Ancaman bahaya itu terletak pada kubu-kubu Yahudi yang kuat di Khaybar yang mengancam keselamatan lebuh raya menuju ke Syam. Allah S.W.T. telah memberi kemenangan kepada tentera-tentera Muslimin menakluk kubu-kubu itu dan mereka telah mendapat harta rampasan perang yang amat banyak yang kemudian dibahagikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada tentera-tentera Islam yang telah hadir di Hudaybiyah sahaja dan tidak dibahagikan kepada yang lain dari mereka.

Perjanjian Hudaybiyah juga merupakan kemenangan kedudukan di antara masyarakat Islam di Madinah dengan masyarakat Quraysy di Makkah dan seluruh masyarakat Musyrikin di sekelilingnya. Ujar al-Ustaz Muhammad 'Izzah Duruzah dalam bukunya "سيرة الرسول صور مقتبسة من القرآن الكريم" (*Sejarah Rasul: Gambaran-gambaran Yang Dipetik Dari Al-Qur'anul-Karim*):

"Tidak syak lagi bahawa perdamaian Hudaybiyah ini yang disifatkan oleh Al-Qur'an sebagai kemenangan yang besar adalah amat tepat dengan sifat itu, malah perdamaian Hudaybiyah dapat dihitungkan dalam peristiwa-peristiwa agung yang pemutus di dalam sejarah Rasulullah s.a.w. dan di dalam sejarah kekuatan dan kemantapan Islam atau lebih tepat lagi perdamaian Hudaybiyah adalah peristiwa pemutus yang teragung. Dengan perjanjian perdamaian itu kaum Quraysy mengakui kedudukan Nabi dan Islam, kekuatan dan entiti keduanya. Mereka memandang Nabi dan kaum Muslimin sebagai tandingan yang setaraf dengan mereka, malah mereka telah menghadapi kaum Muslimin dengan layanan yang lebih baik, sedangkan dahulunya mereka telah menyerang Madinah dua kali berturut-turut dalam masa dua tahun. Serangan akhir mereka (Peperangan Ahzab) telah berlaku setahun sebelum pemergian Rasul untuk menziarahi Baitullah. Dalam serangan itu mereka telah membawa askar-askar yang ramai dari kaum mereka dan dari sekutu-sekutu mereka dengan tujuan untuk mencabut akar umbi masyarakat Muslimin di Madinah. Serangan ini telah menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan yang besar kepada kaum Muslimin kerana kelemahan mereka dan kekecilan bilangan mereka dibandingkan dengan tentera-tentera musuh yang menyerang.

Peristiwa perdamaian Hudaybiyah membawa kesan-kesan yang besar kepada jiwa orang-orang Arab yang selama ini memandang kaum Quraysy sebagai pemimpin dan contoh ikutan mereka, dan yang selama ini amat terpengaruh dengan sikap kaum Quraysy yang menolak da'wah Islam itu. Di samping itu apabila diperhatikan pula bahawa orang-orang Arab Badwi (di Madinah yang tidak ikut sama semasa Nabi bertolak untuk menziarahi Baitullah) telah membuat perhitungan bahawa Nabi dan orang-orang Islam yang pergi bersamanya tidak akan pulang lagi dengan selamat..... apabila diperhatikan hal ini ternyatalah pula satu lagi segi pentingnya Perjanjian Hudaybiyah ini dan bagaimana jauh kesannya.

Peristiwa-peristiwa Hudaybiyah telah membukti-kan kebenaran tindakan Nabi yang disokong oleh Al-Qur'an itu. Peristiwa-peristiwa itu telah menghasilkan faedah-faedah yang besar kepada orang-orang Islam dari segi kebendaan, semangat, politik, peperangan dan agama, kerana mereka dipandang mempunyai kekuatan di mata suku-suku Arab. Dan menyebabkan orang-orang Arab Badwi yang tidak ikut ke Makkah bersama Nabi itu datang dengan segera meminta maaf kepada beliau, dan menyebabkan suara kaum Munafiqin bertambah lemah dan kedudukan mereka bertambah kerdil. Dan serentak itu juga orang-orang Arab mulai mengunjungi Rasulullah s.a.w. dari segenap penjuru. Seterusnya Perjanjian

Hudaybiyah telah membolehkan beliau menghancurkan kekuatan masyarakat Yahudi di Khaybar dan lain-lain perkampungan mereka yang bertaburan di lebuh raya menuju ke Syam, juga telah membolehkan beliau mengirim pasukan-pasukan tentera ke tempat-tempat yang jauh seperti Najd, Yaman dan Balqa'. Dan seterusnya telah membolehkan Rasulullah s.aw. menyerang Makkah dan menaklukinya. Itulah kesudahan yang telah memberi penentuan di dalam sejarah di mana datangnya pertolongan Allah dan datangnya manusia berduyun-duyun memeluk agama Allah."

Kami kembali menegaskan bahawa di samping kemenangan-kemenangan ini di sana, ada satu lagi kemenangan yang terbit dari perjanjian perdamaian Hudaybiyah, iaitu kemenangan jiwa dan hati, yang digambarkan oleh perjanjian setia ar-Ridhwan, iaitu satu perjanjian yang telah diredhai Allah. Para sahabat yang telah mengadakan perjanjian itu telah mendapat keredhaan Allah yang disifatkan Al-Qur'an dengan gambaran yang amat gemilang:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ
رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ
ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ
مَثَلُهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِى ٱلْإِنجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ
شَطْـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسْتَغْلَظَ فَٱسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ
يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنْهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا
عَظِيمًۢا ﴿٢٩﴾

*"Muhammad adalah Rasulullah, dan orang-orang yang bersama dengannya adalah bersifat tegas dan keras terhadap orang-orang yang kafir dan bersifat kasih mesra terhadap sesama mereka. Engkau lihat mereka rukuk dan sujud (mendirikan solat) kerana mencari limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya. Tanda kesalihan mereka ternampak jelas pada wajah-wajah mereka dari kesan sujud. Itulah sifat mereka di dalam Taurat, dan sifat mereka di dalam Injil iaitu mereka laksana pokok tanaman yang mengeluarkan tunas-tunasnya, lalu ia menguatkannya dan ia menjadi kian membesar dan kasar dan akhirnya tegak di atas batangnya, menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dengan kekuatan mereka. Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh di kalangan mereka keampunan pahala yang amat besar."(29)*

Inilah kemenangan di dalam sejarah da'wah yang mempunyai nilai dan kesan yang jauh selepas itu di dalam sejarah.

Rasulullah s.a.w. amat sukacita menerima pengurniaan Rabbani yang limpah ke atas dirinya dan ke atas orang-orang Mu'min yang bersama-sama dengannya. Beliau bergembira dengan kemenangan yang amat nyata, dengan keampunan dan ni'mat yang sempurna dan dengan hidayat ke jalan Allah yang lurus. Beliau bergembira dengan pertolongan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pemurah dan seterusnya bergembira dengan keredhaan Allah terhadap orang-orang Mu'min yang disifatkan dengan sifat-sifat yang cemerlang. Sabda beliau dalam atau riwayat: "Semalam telah turun kepadaku satu surah yang lebih dicintaiku dari dunia dan segala isinya." Sabdanya dalam satu riwayat yang lain: "Telah diturunkan kepadaku malam ini satu surah yang lebih dicintaiku dari isi bumi yang disuluh matahari." Hati beliau yang jujur itu telah dibanjiri rasa terima kasih terhadap Allah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat yang besar itu. Hatinya telah dilimpahi kesyukuran dalam bentuk beliau mendirikan solat yang panjang. Bagaimana telah diceritakan oleh Siti 'Aisyah r.a.: "Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau bersembahyang, beliau berdiri sehingga bengkak kedua kakinya." Dan Siti 'Aisyah r.a. telah menegurnya: "Wahai Rasulullah! Mengapa anda sembahyang sampai begini, sedangkan Allah telah mengampunkan dosa anda yang telah lalu dan dosa anda yang kemudian?" Jawab Rasulullah s.a.w.:

يا عائشة أفلا أكون عبداً شكوراً؟

*"Tidakkah patut aku menjadi seorang hamba yang banyak bersyukur kepada Allah?"*[10].

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 5)**

***Kaum Muslimin Kembali Tenang Setelah Dilanda Berbagai-bagai Peristiwa Yang Menggelisahkan Mereka***

Ayat pembukaan surah ini merupakan pengumuman pengurniaan untuk Nabi s.a.w. khususnya. Setelah itu barulah diterangkan ni'mat kemenangan yang dikurniakan Allah kepada orang-orang Mu'min di mana tangan rahmat Allah menyentuh hati mereka dengan rasa ketenteraman dan dengan pengurniaan keampunan, dan keni'matan yang disediakan untuk mereka di Akhirat:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِى قُلُوبِ ٱلْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوٓا۟
إِيمَٰنًا مَّعَ إِيمَٰنِهِمْ ۗ وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾
لِّيُدْخِلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا

[10] *Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim dalam Sahihnya dari riwayat Abdullah ibn Wahb.*

ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَيُكَفِّرَ عَنۡهُمۡ سَيِّـَٔاتِهِمۡۚ وَكَانَ
ذَٰلِكَ عِندَ ٱللَّهِ فَوۡزًا عَظِيمًا ﴿٥﴾

*"Dialah yang telah menurunkan ketenteraman di dalam hati orang-orang yang beriman supaya bertambah kuat keimanan mereka di samping keimanan yang telah sedia ada. Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(4). Agar Dia memasukkan orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai di mana mereka hidup kekal abadi dan agar Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Dan balasan sedemikian adalah satu kemenangan yang amat besar di sisi Allah."(5)*

Ketenteraman merupakan sebuah kata-kata yang memberi pengertian dan gambaran yang mengandungi suasana-suasana yang tenang. Apabila Allah menurunkan ketenteraman di dalam hati seorang, maka dia akan menjadi tenang, lenang, yakin, percaya, tidak gugup dan teguh, berserah kepada Allah dan berpuashati.

Sesungguhnya hati kaum Mu'minin dalam peristiwa Hudaybiyah ini penuh dengan berbagai-bagai perasaan dan emosi. Mula-mula hati mereka dipenuhi harapan dan cita-cita untuk melihat mimpi Rasulullah s.a.w. itu terlaksana di alam kenyataan dengan kejayaan memasuki Masjidil-Haram, tetapi tiba-tiba mereka dihalang kaum Quraysy dan Rasulullah s.a.w. pula bersetuju menerima syarat kaum Quraysy supaya mereka pulang dan tidak memasuki Makkah pada tahun itu, sedangkan mereka telah berihram dan membawa unta-unta korban yang telah ditanda dan dikalungkan. Kejadian seperti ini tidak syak lagi menimbulkan rasa tidak puas hati mereka, sehingga menurut satu riwayat 'Umar ibn al-Khattab r.a. telah datang menemui Abu Bakr r.a. dengan perasaan marah dan terharu. Di antara kata-katanya selain dari apa yang kami telah sebutkan dahulu dalam riwayat yang mengisahkan peristiwa ini ialah: "Tidakkah beliau (Muhammad) mengatakan kepada kita bahawa kita akan mengunjungi Baitullah dan bertawaf di sana?" Jawab Abu Bakr yang mempunyai hati yang bersambung dengan hati Rasulullah s.a.w. dan berdegup mengikut rentak degup hati beliau: "Ya, betul! Tetapi adakah beliau ceritakan kepada anda bahawa anda akan dapat mengunjungi Baitullah pada tahun ini?" Jawab 'Umar: "Tidak." Kata Abu Bakr, "Jadi, anda tetap dapat mengunjungi Baitullah dan tawaf di sana." Mendengar jawapan ini 'Umar meninggalkan Abu Bakr dan terus menemui Nabi s.a.w. dan di antara kata-katanya kepada beliau: "Tidakkah anda mengatakan kepada kami bahawa kita akan mengunjungi Baitullah dan tawaf di sana?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya, betul! Tetapi adakah aku mengatakan kepada anda bahawa kita akan mengunjungi Baitullah pada tahun ini?" Jawab 'Umar: "Tidak." Sabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya anda tetap akan dapat mengunjungi Baitullah dan tawaf di sana." Inilah satu gambaran dari perasaan-perasaan tidak puas hati yang berkecamuk di dalam hati kaum Mu'minin itu.

Mereka juga tidak puas hati dengan syarat-syarat kaum Quraysy yang lain iaitu syarat yang mengatakan bahawa mana-mana orang yang telah masuk Islam kemudian melarikan diri ke pihak Muhammad tanpa keizinan walinya mestilah dikembalikan semula kepada kaum Quraysy. Mereka marah terhadap sikap fanatik dan keangkuhan jahiliyah pihak Quraysy yang menolak nama ar-Rahmanir-Rahim (ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ) dan menolak sifat Rasulullah s.a.w. Menurut satu riwayat, Ali r.a. enggan menghapuskan sifat ini (Rasulullah) dari surat perjanjian itu sebagaimana yang dituntut oleb Suhayl setelah dituliskannya, sehingga Rasulullah s.a.w. sendiri menghapuskannya sambil bersabda: 'Ya Allah! Sesungguhnya engkau tetap mengetahui bahawa aku adalah Rasul-Mu'.

Semangat dan keghairahan kaum Muslimin terhadap agama mereka dan terhadap jihad untuk memerangi kaum Musyrikin adalah memuncak tinggi. Ini dapat dilihat dari tindakan mereka mengadakan perjanjian setia yang sebulat kata. Tiba-tiba apa yang dicita-citakan mereka berakhir dengan satu perjanjian perdamaian dengan kaum Musyrikin dan dengan persetujuan Rasulullah supaya mereka pulang dahulu ke Makkah pada tahun ini. Hati mereka amat tidak puas hati dengan keputusan-keputusan itu. Ini nampak jelas dari tindak-tanduk mereka melambat-lambatkan penyembelihan unta-unta korban dan bercukur sehingga diperintah tiga kali oleh Rasulullah s.a.w., sedangkan mereka selama ini amat ta'at kepada perintah beliau sebagaimana 'Urwah ibn Mas'ud ath-Thaqafi pernah menceritakan hal mereka kepada kaum Quraysy. Mereka tidak bangkit menyembelihkan unta-unta korban, bercukur dan bergunting melainkan setelah mereka melihat Rasulullah s.a.w. melakukannya dengan seorang diri. Tindakan beliau telah menggerakkan hati mereka sekalian yang tadinya tidak dapat digerakkan dengan perkataan. Mereka kembali ta'at dan patuh sama seperti seorang yang telah dipukau oleh sesuatu keadaan kembali siuman.

Mereka keluar dari Madinah dengan niat mengerjakan Umrah. Mereka tidak berniat berperang. Mereka tidak bersedia ke arah itu, zahir dan batin, tiba-tiba mereka dikejutkan oleh sikap permusuhan yang telah ditunjukkan oleh kaum Quraysy. Mereka juga terperanjat apabila mendapat berita angin bahawa 'Uthman telah dibunuh orang-orang Quraysy dan apabila orang-orang Quraysy mengirim orang-orang mereka melontar batu-batu dan anak-anak panah ke atas perkhemahan kaum Muslimin di Hudaybiyah. Tetapi apabila Rasulullah s.a.w. berazam untuk memerangi kaum Quraysy dan meminta mereka mengikat perjanjian setia, maka permintaan itu telah disambut oleh seluruh mereka. Tetapi ini tidak menafikan bahawa mereka amat terkejut kerana apa yang berlaku itu bertentangan dengan cita-cita yang diharapkan hati mereka ketika mereka keluar dari Madinah. Inilah sebahagian dari perasaan-

perasaan terkilan dan tidak puas yang bergelora di dalam jiwa mereka, sedangkan jumlah angkatan mereka hanya seribu empat ratus orang dan kaum Quraysy berada di kampung halaman mereka sendiri dan di sekeliling mereka terdapat pula orang-orang Arab Badwi dan kaum Musyrikin.

Apabila seseorang itu mengenangkan kembali kepada gambaran keadaan-keadaan ini dapatlah ia memahami tujuan firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِى قُلُوبِ ٱلْمُؤْمِنِينَ

*"Dialah yang telah menurunkan ketenteraman di dalam hati orang-orang yang beriman."(4)*

Ia dapat mengecapi rasa kata-kata itu dan rasa ungkapan itu. Ia dapat menggambarkan kedudukan pada hari itu dan dapat menghayati gambaran ayat-ayat itu. Ia benar-benar dapat merasakan betapa sejuknya dan betapa sentosanya ketenteraman itu di dalam hati kaum Muslimin.

Oleh kerana Allah mengetahui bahawa segala perasaan yang mendidih di dalam hati kaum Muslimin pada hari itu adalah terbit dari iman, iaitu terbit dari keghairahan keimanan mereka, bukan kerana kepentingan diri mereka dan bukan pula kerana semangat jahiliyah yang ada pada mereka, maka Allah telah mengurniakan rasa ketenteraman kepada mereka:

لِيَزْدَادُوٓا۟ إِيمَٰنًا مَّعَ إِيمَٰنِهِمْ ۗ

*"Supaya bertambah kuat keimanan mereka di samping keimanan yang telah sedia ada."(4)*

Ketenteraman adalah satu darjah yang tinggi selepas keghairahan dan semangat yang berkobar-kobar, kerana dalam ketenteraman itu munculnya kepercayaan yang kukuh tidak bergoyang dan lahirnya kepuasan yang tenang dengan keyakinan.

Kerana itu Allah membayangkan bahawa pertolongan dan kemenangan itu tidak sekali-kali payah dan jauh, bahkan mudah dan senang bagi Allah jika kebijaksanaan-Nya menghendaki supaya perkara itu berlaku seperti yang dikehendaki kaum Muslimin, kerana Allah memiliki tentera-tentera yang tidak terhingga banyaknya dan tidak mungkin dikalahkan, iaitu tentera-tentera yang dapat memberi pertolongan dan kemenangan apabila dikehendaki Allah.

وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾

*"Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(4)*

Yakni mengikut ilmu Allah dan kebijaksanaan-Nya, maka berlakulah segala sesuatu sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

Mengikut ilmu dan kebijaksanaan-Nya Dia........

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِى قُلُوبِ ٱلْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوٓا۟ إِيمَٰنًا مَّعَ إِيمَٰنِهِمْ ۗ

*"Telah menurunkan ketenteraman di dalam hati orang-orang yang beriman supaya bertambah kuat keimanan mereka di samping keimanan mereka yang telah sedia ada"(4)*

untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan dan keni'matan yang telah disediakan untuk mereka di Akhirat:

لِّيُدْخِلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَيُكَفِّرَ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ ۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ عِندَ ٱللَّهِ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٥﴾

*"Agar Dia memasukkan orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai di mana mereka hidup kekal abadi dan agar Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Dan balasan sedemikian adalah satu kemenangan yang amat besar di sisi Allah."(5)*

Jika ini - dalam perhitungan Allah - merupakan satu kemenangan yang besar, maka itulah kemenangan besar yang hakiki, dan itulah kemenangan yang besar dalam hati orang-orang yang dapat mencapaikannya dari Allah, yang dinilai mengikut penilaian Allah dan ditimbang mengikut neraca pertimbangan-Nya.

Pada hari berlakunya peristiwa itu, kaum Muslimin gembira dengan apa yang telah ditetapkan Allah untuk mereka. Mereka menaruh harapan yang besar selepas mendengar ayat-ayat pembukaan surah ini, kerana dari pembukaan ini mereka mengetahui kemenangan yang telah dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya, lalu mereka pun menunggu-nunggu habuan mereka dan bertanya-tanya mengenainya. Dan setelah mendengar dan mengetahui hati mereka pun penuh taqwa dengan keredhaan, kegembiraan dan keyakinan.

### (Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

#### *Titik-titik Pertemuan Di Antara Orang-orang Munafiq Dan Orang-orang Musyrik*

Setelah itu Al-Qur'an menjelaskan kepada kaum Muslimin satu lagi aspek dari aspek-aspek kebijaksanaan Allah yang telah mengaturkan peristiwa itu, iaitu Allah bertindak menghukum kaum Munafiqin lelaki dan perempuan, juga kaum Musyrikin lelaki dan perempuan kerana tindak-tanduk mereka yang jahat:

وَيُعَذِّبَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ وَٱلْمُشْرِكَٰتِ ٱلظَّآنِّينَ بِٱللَّهِ ظَنَّ ٱلسَّوْءِ ۚ عَلَيْهِمْ

دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ ۖ وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٦﴾

وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٧﴾

*"Dan agar Dia mengazabkan orang-orang Munafiq lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrik lelaki dan perempuan yang menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah. Mereka akan ditimpa lingkaran malapetaka yang buruk, dan Allah telah murka dan mengutukkan mereka dan menyediakan Neraka Jahannam untuk mereka, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(6). Dan Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi, dan Allah adalah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(7)*

Ayat ini mempertemukan orang-orang Munafiq dan orang-orang Musyrik lelaki dan perempuan pada satu sifat, iaitu sifat menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah dan sifat tidak percaya kepada pertolongan terhadap orang-orang yang beriman. Ayat ini juga, mempertemukan kedua golongan itu dalam satu keadaan iaitu:

عَلَيْهِمْ دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ ۖ

*"Mereka akan ditimpa lingkaran malapetaka yang buruk."(6)*

Yakni mereka terkepung di dalam malapetaka yang melingkungi dan menimpa mereka. Mereka terkepung di dalam kemurkaan dan la'nat Allah dan terkepung di dalam nasib kesudahan yang buruk yang disediakan untuk mereka. Mereka dihukum sedemikian rupa kerana sifat Munafiq itu adalah satu sifat yang amat keji yang tidak kurang jahatnya dari perbuatan syirik, malah ia lebih hina lagi dari syirik, juga kerana kejahatan dan gugatan kaum Munafiqin lelaki dan perempuan terhadap masyarakat Islam itu tidak kurang dari kejahatan kaum Musyrikin lelaki dan perempuan walaupun bentuk rupa kejahatan dua golongan itu berbeza-beza.

Allah telah menjadikan sifat orang-orang Munafiq dan orang-orang Musyrik lelaki dan perempuan ialah mereka menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah. Sedangkan hati orang yang beriman sentiasa menaruh sangkaan yang baik terhadap Allah, sentiasa mengharapkan kebaikan dan kebajikan dari-Nya sama ada di dalam kesenangan atau di dalam kesusahan. Ia percaya bahawa Allah hendak mengurniakan kebaikan dan kebajikan di dalam kedua-dua keadaan itu. Ini ialah kerana hati orang yang beriman itu sentiasa berhubung dengan Allah, sedangkan limpah kurnia kebaikan dan kebajikan dari Allah itu tidak pernah putus selama-lamanya. Oleh itu siapa sahaja yang hatinya sentiasa berhubung dengan Allah akan merasa hakikat yang kukuh ini secara langsung dan penuh mesra. Ada pun orang-orang Munafiq dan orang-orang Musyrik, maka mereka telah putus hubungan dengan Allah, kerana itu mereka tidak dapat merasa dan menemui hakikat ini dan kerana itu mereka menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah. Hati mereka hanya bergantung kepada sebab-sebab yang zahir sahaja, dan di atas sebab-sebab inilah mereka membuat keputusan-keputusan mereka. Mereka menduga malapetaka akan menimpa mereka atau menimpa orang-orang Islam apabila sebab-sebab yang zahir itu membayangkan begitu tanpa percaya lagi kepada taqdir dan qudrat kuasa Allah dan tadbir-Nya yang halus.

Allah telah mengumpul di dalam ayat ini berbagai-bagai jenis musuh Islam dan kaum Muslimin, dan ia menerangkan kedudukan mereka di sisi-Nya, juga menerangkan balasan-balasan yang disediakan untuk mereka di akhir hidup mereka. Kemudian diiringi dengan keterangan yang membuktikan qudrat kuasa dan kebijaksanaan-Nya:

وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٧﴾

*"Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi. Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(7)*

Oleh kerana itu tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah dari bertindak terhadap mereka, dan tiada suatu pun dari gerak-geri mereka yang terlindung dari ilmu Allah kerana Dia mempunyai bala tentera di langit dan bumi dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)**

Kemudian Allah kembali menghadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. untuk menerangkan tugasnya dan matlamat dari tugas itu, juga mengingatkan orang-orang yang beriman kepada kewajipan mereka terhadap Allah setelah beliau menyampaikan risalahnya, di samping mengembalikan mereka di dalam perjanjian setia mereka di Hudaybiyah itu secara langsung kepada Allah, di mana mereka sebenarnya telah mengikatkan janji setia mereka kepada Allah ketika mengikat janji setia dengan Rasulullah s.a.w. Ini adalah satu penghormatan Allah yang tinggi kepada perjanjian setia mereka dengan Rasul-Nya:

إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٨﴾ لِّتُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ ۚ وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٩﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۚ فَمَن نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ ۖ

وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهُ ٱللَّهَ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya Kami telah utuskan engkau sebagai saksi dan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran(8). Agar kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan agar kamu memulia, dan membesarkan-Nya dan agar kamu mentasbihkan-Nya pagi dan petang(9). Sesungguhnya orang-orang yang berjanji setia denganmu adalah sebenarnya mereka berjanji setia dengan Allah. Tangan kesetiaan Allah di atas tangan mereka. Barang siapa yang memungkiri janji setianya, maka sesungguhnya ia menimpakan akibat kemungkirannya ke atas dirinya sendiri, dan barang siapa yang menyempurnakan janji setianya kepada Allah, maka Allah akan mengurniakannya pahala yang amat besar."(10)*

***Tugas Rasul Menjadi Saksi Di Atas Umat Manusia***

Maksudnya, Rasulullah s.a.w. berkongsi sebagai saksi di atas umat manusia yang diutuskannya kepada mereka. Beliau memberi kesaksian bahawa beliau telah pun menyampaikan risalahnya kepada mereka dan mereka telah menyambutnya dengan berbagai-bagai cara sambutan, ada yang beriman, ada yang kafir, ada yang Munafiq, ada yang melakukan pengislahan dan ada yang melakukan kerosakan. Beliau menunaikan kesaksian di samping menunaikan risalah. Beliau menyampaikan berita bahagia, iaitu berita kebajikan, keampunan, keredhaan dan balasan yang baik kepada orang-orang Mu'min yang ta'at. Dan beliau telah menyampaikan amaran dan peringatan kepada orang-orang kafir, kaum Munafiqin, para penderhaka dan perosak bahawa mereka akan ditempatkan di tempat kembali yang amat dahsyat dan akan ditimpakan kemurkaan dan la'nat Allah.

Inilah tugas Rasulullah. Kemudian Allah menghadapkan pula firman-Nya kepada orang-orang Mu'min, iaitu menerangkan kepada mereka tujuan-tujuan yang diharapkan dari risalah yang dibawa oleh beliau itu, iaitu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kemudian melaksanakan komitmen-komitmen iman, iaitu menolong Allah dengan berusaha menolong menegakkan agama dan syari'at-Nya, juga memuliakan Allah di dalam hatinya dengan menyedari kebesaran dan keagungan-Nya, dan seterusnya membersihkan Allah dengan tasbih dan tahmid pagi dan petang. Dan yang dimaksudkan dengan pagi dan petang ialah sepanjang hari, kerana pagi dan petang itu merangkumi semua waktu di antara pagi dan petang. Tujuannya ialah supaya perhubungan hati dengan Allah berlangsung pada setiap waktu. Itulah hasil keimanan yang diharap-harapkan dari orang-orang yang beriman dengan pengiriman Rasul kepada mereka yang berfungsi sebagai saksi, penyampai berita bahagia dan pemberi amaran.

Kedatangan Rasulullah s.a.w. ialah untuk menghubungkan mereka dengan Allah dan mengadakan ikatan di antara mereka dengan Allah dalam satu perjanjian setia yang tidak akan putus dengan ketiadaan Rasulullah s.a.w. dari mereka. Ketika beliau meletakkan tangannya di atas tangan mereka kerana berjanji setia dengannya, maka sebenarnya mereka sedang mengikat perjanjian setia dengan Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ

*"Sesungguhnya orang-orang yang berjanji setia denganmu adalah sebenarnya mereka berjanji setia dengan Allah. Tangan kesetiaan Allah di atas tangan mereka."(10)*

Ini adalah satu gambaran yang amat hebat yang menggambarkan perjanjian setia di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. Setiap orang dari mereka merasa ketika meletakkan tangannya pada tangan beliau bahawa tangan kesetiaan Allah di atas tangan mereka. Allah turut hadir menyaksikan perjanjian setia itu. Allah itulah tuan perjanjian itu. Allah itulah yang mengambil perjanjian itu dan tangan kesetiaan-Nya terletak di atas semua tangan orang-orang yang berjanji setia itu...... alangkah hebat, alangkah besar dan alangkah mulianya perjanjian itu!

Gambaran ini mencabut dari jiwa manusia segala fikiran dan keinginan untuk memungkiri janji setia itu walaupun Rasulullah s.a.w. tidak ada lagi bersama mereka, kerana Allah tetap hadir selama-lamanya. Allah yang mengambil dan memberi janji setia itu, maka Dialah juga yang menjaga dan mengawasinya.

فَمَن نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ

*"Barang siapa yang memungkiri janji setianya, maka sesungguhnya ia menimpakan akibat kemungkirannya ke atas dirinya sendiri."(10)*

Maksudnya, dialah yang akan rugi dari segenap aspek. Dia yang akan rugi kerana membatalkan perjanjian atau akad perniagaan yang menguntungkan di antaranya dengan Allah. Tiada suatu janji setia di antara Allah dengan mana-mana hamba-Nya melainkan pihak hambalah yang mendapat keuntungan menerima pengurniaan Allah, sedangkan Allah Maha Kaya dari semesta alam. Dan pihak hambalah yang akan rugi apabila ia memungkiri dan merombakkan perjanjian setianya dengan Allah. Dialah yang akan terdedah kepada kemurkaan dan hukuman Allah di atas kemungkiran yang tidak disukainya itu, kerana Allah sukakan sifat setia dan orang-orang yang setia:

وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهُ ٱللَّهَ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

*"Dan barang siapa yang menyempurnakan janji setianya kepada Allah, maka Allah akan mengurniakannya pahala yang amat besar."(10)*

Demikianlah Allah menyebut balasan janji setia itu dengan ungkapan yang umum iaitu: أجراً عظيماً (*"pahala yang amat besar"*) tanpa memperincikannya dan tanpa membutirkannya. Balasan itu ialah pahala yang amat besar sebagaimana yang disifatkan Allah, iaitu pahala yang amat besar menurut perhitungan, pertimbangan dan gambaran Allah yang tidak dapat difahami oleh penghuni-penghuni bumi yang serba miskin, terbatas dan fana.

******

Setelah memperkatakan tentang hakikat perjanjian setia dan tentang fikiran dan keinginan memungkiri atau menepati perjanjian setia itu, Al-Qur'an berpaling pula kepada orang-orang Arab Badwi yang ponteng dan enggan keluar ke Makkah bersama-sama Rasulullah s.a.w. kerana mereka menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah dan kerana mereka menduga bahawa orang-orang Mu'min yang keluar bersama Rasulullah s.a.w. menuju ke Makkah negeri kaum Quraysy itu akan ditimpa kecelakaan dan kebinasaan di tangan mereka, kerana sebelum ini kaum Quraysy telah pun menyerang Madinah dua tahun berturut-turut, maka ayat-ayat yang berikut beralih pula kepada orang-orang yang ponteng itu untuk memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. tentang alasan-alasan dan dolak-dalik keuzuran mereka yang akan dikemukakan kepada beliau setelah beliau pulang dari Makkah bersama-sama kaum Muslimin dengan selamat, dan setelah kaum Quraysy bersetuju mengadakan perjanjian perdamaian dengan beliau. Iaitu satu perjanjian yang menunjukkan sikap mengalah dan tolak ansur kaum Quraysy dan menunjukkan bahawa mereka telah mengakui Nabi Muhammad s.a.w. sebagai tandingan yang sejajar dengan mereka dan wajar diadakan perdamaian dengannya dan wajar dielak dari bermusuh dengannya, juga untuk mendedahkan hakikat mereka yang sebenar di hadapan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin, dan seterusnya untuk menyampaikan kepada beliau berita gembira untuknya dan untuk kaum Muslimin yang keluar bersama-sama beliau, iaitu mereka akan keluar berperang dan akan mendapat harta rampasan perang yang dekat dan mudah, dan orang-orang Arab Badwi yang tidak turut keluar bersama beliau ke Makkah dahulu itu akan meminta keluar bersama beliau untuk mendapatkan harta-harta rampasan itu. Di samping itu ayat-ayat yang berikut mengajar beliau cara untuk melayani mereka, iaitu mereka tidak dibenarkan keluar bersama beliau untuk menawan tempat yang dekat dan mudah itu. Hanya orang-orang Islam yang keluar bersama beliau ke Makkah dahulu dan hadir di Hudaybiyah sahaja yang dibenarkan keluar bersama beliau. Kemudian beliau memberitahu mereka bahawa di sana ada lagi matlamat perang yang sukar di mana mereka akan bertempur dengan satu kaum yang amat kuat, dan andainya mereka benar-benar hendak keluar berperang, maka bolehlah mereka keluar pada hari itu. Dan jika mereka ta'at dan patuh mereka akan mendapat pahala yang besar dan sebaliknya jika mereka menderhaka sebagaimana yang telah dilakukan mereka sebelum ini, mereka akan menerima 'azab yang amat dahsyat.

**(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 17)**

***Tindakan Terhadap Golongan Yang Ponteng Dari Jihad***

سَيَقُولُ لَكَ ٱلْمُخَلَّفُونَ مِنَ ٱلْأَعْرَابِ شَغَلَتْنَآ أَمْوَٰلُنَا وَأَهْلُونَا فَٱسْتَغْفِرْ لَنَا ۚ يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِم مَّا لَيْسَ فِى قُلُوبِهِمْ ۚ قُلْ فَمَن يَمْلِكُ لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًۢا ۚ بَلْ كَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًۢا ﴿١١﴾

بَلْ ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَنقَلِبَ ٱلرَّسُولُ وَٱلْمُؤْمِنُونَ إِلَىٰٓ أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَزُيِّنَ ذَٰلِكَ فِى قُلُوبِكُمْ وَظَنَنتُمْ ظَنَّ ٱلسَّوْءِ وَكُنتُمْ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٢﴾

وَمَن لَّمْ يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ فَإِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَـٰفِرِينَ سَعِيرًا ﴿١٣﴾

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ يَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٤﴾

سَيَقُولُ ٱلْمُخَلَّفُونَ إِذَا ٱنطَلَقْتُمْ إِلَىٰ مَغَانِمَ لِتَأْخُذُوهَا ذَرُونَا نَتَّبِعْكُمْ ۖ يُرِيدُونَ أَن يُبَدِّلُوا۟ كَلَـٰمَ ٱللَّهِ ۚ قُل لَّن تَتَّبِعُونَا كَذَٰلِكُمْ قَالَ ٱللَّهُ مِن قَبْلُ ۖ فَسَيَقُولُونَ بَلْ تَحْسُدُونَنَا ۚ بَلْ كَانُوا۟ لَا يَفْقَهُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥﴾

قُل لِّلْمُخَلَّفِينَ مِنَ ٱلْأَعْرَابِ سَتُدْعَوْنَ إِلَىٰ قَوْمٍ أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ تُقَـٰتِلُونَهُمْ أَوْ يُسْلِمُونَ ۖ فَإِن تُطِيعُوا۟ يُؤْتِكُمُ ٱللَّهُ أَجْرًا حَسَنًا ۖ وَإِن تَتَوَلَّوْا۟ كَمَا تَوَلَّيْتُم مِّن قَبْلُ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦﴾

*"Orang-orang Arab Badwi yang ponteng (dari berperang) akan berkata kepadamu: Kami telah dihalangi kesibukan*

*menguruskan harta benda dan anak isteri kami. Oleh itu pohonkanlah keampunan Allah kepada kami. Mereka menyatakan dengan lidah mereka apa yang tidak ada di dalam hati mereka. Katakanlah: Siapakah yang memiliki kuasa yang dapat melindungi kamu dari menerima kehendak Allah jika Dia hendak menimpakan sesuatu mudharat ke atas kamu atau hendak memberi sesuatu manfa'at kepada kamu? Bahkan Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(11). Bahkan kamu telah menyangka bahawa Rasul dan orang-orang Mu'min tidak akan kembali lagi kepada anak isteri mereka untuk selama-lamanya. Sangkaan itulah yang dihiaskan syaitan di dalam hati kamu dan kamu telah menaruh sangkaan yang buruk. Dan kamu telah menjadi satu kaum yang tandus binasa(12). Dan barang siapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya kami telah menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang-orang kafir(13). Dan Allah memiliki langit dan bumi. Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(14). Orang-orang yang ponteng itu akan berkata ketika kamu pergi untuk mengambil rampasan-rampasan perang: Biarlah kami ikut pergi bersama kamu. Mereka hendak mengubahkan ketetapan-ketetapan Allah. Katakanlah: Kamu tidak akan dibenarkan mengikut kami. Demikianlah Allah telah menetapkan keputusan-Nya sebelum ini. Mereka akan berkata: Sebenarnya kamu dengkikan kami. Sebenarnya mereka tidak faham melainkan hanya sedikit sahaja(15). Katakanlah kepada orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu: Kamu akan diseru menghadapi satu kaum yang amat kuat agar kamu memerangi mereka hingga mereka menyerah kalah. Jika kamu mematuhi (seruan ini) nescaya Allah mengurniakan kepada kamu pahala yang baik, dan jika kamu berpaling sebagaimana kamu telah berpaling sebelum ini nescaya Allah akan mengazabkan kamu dengan 'azab yang amat pedih."(16)*

Al-Qur'an tidak berpada dengan hanya mengisahkan perkataan-perkataan orang-orang yang ponteng itu sahaja dan memberi jawapan kepada perkataan-perkataan mereka, tetapi ia mengambil kesempatan itu untuk mengubati penyakit-penyakit jiwa mereka dan membetulkan hati mereka. Ia menyusup ke tempat-tempat kelemahan dan penyelewengan dalam hati mereka dan mendedahkannya untuk diubati dan untuk dijelaskan hakikat-hakikat yang kekal dan nilai-nilai yang tetap dan dasar-dasar untuk mengawal perasaan, fikiran dan tingkahlaku.

Orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu - terdiri dari puak-puak Ghifar, Muzaynah, Asyja', Aslam dan lain-lainnya yang tinggal di sekitar Madinah - akan berkata kerana meminta maaf di atas kepentingan mereka:

شَغَلَتْنَآ أَمْوَٰلُنَا وَأَهْلُونَا

*"...Kami telah dihalangi kesibukan menguruskan harta benda dan anak isteri kami..."(11)*

Ini bukannya keuzuran, kerana setiap orang biasanya mempunyai anak isteri dan harta benda. Jika kesibukan itu boleh dijadikan alasan yang menghalangkan mereka dari memikul dan menunaikan tugas-tugas 'aqidah Islam, nescaya tiada seorang pun yang akan memikulnya, Mereka juga akan berkata:

فَٱسْتَغْفِرْ لَنَا

*"...Pohonkanlah keampunan Allah kepada kami..."(11)*

Tetapi permintaan mereka ini bukannya benar dan ikhlas sebagaimana Allah memaklumkannya kepada Rasulullah s.a.w.:

يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِم مَّا لَيْسَ فِى قُلُوبِهِمْ

*"...Mereka menyata dengan lidah mereka apa yang tidak ada di dalam hati mereka..."(11)*

Di sini Allah memberi jawapan kepada mereka dengan menjelaskan hakikat perencanaan Ilahi yang tidak dapat ditolak oleh tindakan ponteng dan tidak dapat diubah oleh keberanian keluar berjuang, juga menjelaskan hakikat qudrat kuasa Allah yang melingkungi manusia dan mengendalikan perencanaan-perencanaan-Nya terhadap mereka mengikut kehendak iradat-Nya, dan seterusnya menjelaskan hakikat ilmu Allah yang sempurna, di mana ia menentukan perencanaan-Nya:

قُلْ فَمَن يَمْلِكُ لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًۢا ۚ بَلْ كَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًۢا ﴿١١﴾

*"Katakanlah: Siapakah yang memiliki kuasa yang dapat melindungi kamu dari menerima kehendak Allah jika Dia hendak menimpakan sesuatu mudharat ke atas kamu atau hendak memberi sesuatu manfa'at kepada kamu? Bahkan Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(11)*

Ini adalah satu pertanyaan yang menyarankan supaya menyerah diri kepada perencanaan Allah dan mematuhi perintah-Nya tanpa berlengah-lengah dan teragak-agak, kerana sikap ini tidak dapat menolak sesuatu mudharat dan tidak dapat melambatkan sesuatu manfa'at, dan perbuatan berdolak-dalik dengan alasan-alasan yang bohong itu tidak akan terluput dari ilmu Allah dan tidak akan menjejaskan hukuman-Nya terhadap mereka, iaitu hukuman yang telah ditetapkan mengikut ilmu-Nya yang mengetahui segala-galanya. Ini adalah bimbingan pendidikan yang tepat pada waktunya dan sesuai dengan suasananya mengikut cara Al-Qur'an.

بَلْ ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَنقَلِبَ ٱلرَّسُولُ وَٱلْمُؤْمِنُونَ إِلَىٰٓ أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَزُيِّنَ ذَٰلِكَ فِى قُلُوبِكُمْ وَظَنَنتُمْ ظَنَّ ٱلسَّوْءِ وَكُنتُمْ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٢﴾

*"Bahkan kamu telah menyangka bahawa Rasul dan orang-orang Mu'min tidak akan kembali lagi kepada anak isteri mereka untuk selama-lamanya. Sangkaan itulah yang dihiaskan syaitan di dalam hati kamu dan kamu telah menaruh sangkaan yang buruk. Dan kamu telah menjadi satu kaum yang tandus binasa."(12)*

Demikianlah Al-Qur'an mendedah dan menelanjangi mereka di hadapan niat jahat yang disembunyikan di dalam hati mereka dan di hadapan rancangan jahat yang diselindungkan mereka, juga di hadapan sangkaan buruk mereka terhadap Allah. Mereka menyangka bahawa Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin pergi ke Makkah untuk menempah maut dan mereka tidak akan kembali lagi kepada anak isteri mereka di Madinah. Mereka berkata Rasulullah s.a.w. pergi kepada satu kaum yang telah pun menyerang beliau di Madinah dan membunuh sahabat-sahabatnya yang bertempur dengan mereka (maksud mereka ialah Peperangan Uhud dan Peperangan Ahzab), mereka tidak memperhitungkan sedikit pun tentang kesanggupan Allah memelihara dan melindungi hamba-hamba-Nya yang beriman dengan penuh keyakinan dan keikhlasan. Begitu juga - dengan sebab kefahaman mereka yang salah dan kekosongan hati mereka dari kehangatan 'aqidah - mereka tidak mengira bahawa kewajipan itu tetap kewajipan walau bagaimanapun pengorbanannya, dan bahawa keta'atan kepada Rasulullah s.a.w. itu wajib dilaksanakan tanpa memandang kepada keuntungan-keuntungan dan kerugian-kerugian yang jelas ketara. Keta'atan adalah kewajipan yang pasti ditunai tanpa memandang kepada mana-mana akibat yang lain di sebaliknya.

Mereka berfikir dengan fikiran mereka yang salah dan fikiran inilah satu-satunya fikiran yang baik dan elok pada pandangan hati mereka. Mereka tidak nampak fikiran yang lain dan tidak memikirkan sesuatu yang lain. Inilah punca sangkaan buruk mereka terhadap Allah. Ia berpunca dari ketandusan hati mereka. Ini adalah satu ungkapan yang amat menarik dan memberi saranan yang mendalam. Bumi yang tandus ialah bumi yang mati dan gersang. Itulah sifat hati mereka. Itulah gambaran seluruh kewujudan mereka. Segala-galanya tandus, gersang, tiada hayat, tiada kesuburan dan tiada tumbuhan. Apakah lagi yang akan terjadi kepada sebuah hati apabila ia gersang dari sangkaan yang baik terhadap Allah kerana putus hubungannya dengan Allah yang memberi kesegaran itu? Sudah tentu ia menjadi tandus, mati, gersang dan akhirnya binasa dan musnah.

Demikianlah juga ada manusia yang lain menaruh sangkaan buruk terhadap orang-orang yang beriman, iaitu manusia yang seperti orang-orang Arab Badwi yang putus hubungan dengan Allah, dan yang tandus hati mereka dari roh dan hayat. Mereka selama-lamanya menaruh sangkaan yang buruk terhadap orang-orang yang beriman apabila mereka nampak daun neraca kebatilan itu memberat dan kuasa-kuasa bumi yang zahir telah menyebelahi pendokong-pendokong kejahatan dan kesesatan, sedangkan orang-orang Mu'min pula sedikit bilangannya atau sedikit kelengkapannya atau kurang kedudukan, pangkat dan harta kekayaan.

Beginilah rupanya orang-orang Arab Badwi dan orang-orang yang seperti mereka menaruh sangkaan yang buruk bahawa orang-orang yang beriman itu tidak akan pulang lagi kepada anak isteri mereka apabila mereka menghadapi penganut-penganut kebatilan yang bongkak dengan kekuatan mereka yang zahir. Oleh kerana itulah mereka menjauhi orang-orang yang beriman untuk menyelamatkan diri mereka. Mereka berharap di setiap sa'at bahawa orang-orang yang beriman itu akan binasa semuanya dan da'wah mereka akan berakhir. Mereka memilih jalan yang lebih selamat dan menjauhkan diri dari jalan yang dilalui orang-orang yang beriman yang penuh bahaya itu. Tetapi Allah mengecewakan sangkaan mereka yang buruk itu dan mengubahkan keadaan dan kedudukan mengikut ilmu-Nya dan tadbir-Nya dan mengikut pertimbangan neraca kekuatan yang hakiki yang dipegang Allah, iaitu neraca pertimbangan yang diguna untuk menjatuhkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengangkatkan siapa yang dikehendaki-Nya dengan cara yang tidak disedari orang-orang Munafiq yang menaruh sangkaan buruk terhadap Allah di setiap tempat dan masa itu.

Neraca pertimbangan yang sebenar ialah neraca keimanan, dan oleh kerana itu Allah memulangkan orang-orang Arab Badwi kepada neraca pertimbangan ini dan menetapkan peraturan umum balasan mengikut neraca pertimbangan ini, serta membayangkan bahawa mereka akan mendapat rahmat Allah yang dekat, dan seterusnya menyarankan supaya mereka merebut peluang itu dan meni'mati keampunan dan rahmat Allah:

وَمَن لَّمْ يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ فَإِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَعِيرًا ﴿١٣﴾

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ يَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٤﴾

*"Dan barang siapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya kami telah menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang-orang kafir(13). Dan Allah memiliki langit dan bumi. Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(14)*

Mereka telah meminta maaf dengan alasan kerana sibuk menguruskan harta benda dan anak isteri, tetapi apakah gunanya harta kekayaan dan anak isteri mereka di dalam Neraka yang disediakan untuk mereka jika mereka tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya? Inilah dua daun neraca untuk dipilih mereka dengan penuh keyakinan, kerana Allah yang memberi janji-janji ini Dialah sahaja yang memiliki seluruh kerajaan langit dan bumi, dan Dialah sahaja yang memiliki keampunan untuk sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memiliki 'azab seksa untuk sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Allah membalaskan manusia mengikut amalannya masing-masing, tetapi kehendak iradat Allah adalah bebas dari segala ikatan. Allah menjelaskan hakikat ini supaya ia tertanam di dalam setiap hati. Ini tidak berlawanan dengan dasar mengenakan balasan mengikut amalan, kerana dasar ini merupakan pilihan yang bebas bagi kehendak iradat Allah itu.

Keampunan dan rahmat Allah itu adalah lebih hampir, kerana itu peluang ini hendaklah direbutkan segera sebelum Allah menjatuhkan hukuman-Nya mengazabkan orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dengan api Neraka yang disediakan untuk orang-orang yang kafir.

Kemudian ayat-ayat yang berikut membayangkan setengah-setengah perkara yang telah ditetapkan Allah kepada orang-orang yang beriman, iaitu bertentangan dengan sangkaan orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu dengan uslub yang menunjukkan bahawa perkara itu tidak lama lagi akan berlaku:

سَيَقُولُ الْمُخَلَّفُونَ إِذَا انطَلَقْتُمْ إِلَىٰ مَغَانِمَ لِتَأْخُذُوهَا ذَرُونَا نَتَّبِعْكُمْ ۖ يُرِيدُونَ أَن يُبَدِّلُوا كَلَامَ اللَّهِ ۚ قُل لَّن تَتَّبِعُونَا كَذَٰلِكُمْ قَالَ اللَّهُ مِن قَبْلُ ۖ فَسَيَقُولُونَ بَلْ تَحْسُدُونَنَا ۚ بَلْ كَانُوا لَا يَفْقَهُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥﴾

*"Orang-orang yang ponteng itu akan berkata ketika kamu pergi untuk mengambil rampasan-rampasan perang: Biarlah kami ikut pergi bersama kamu. Mereka hendak mengubahkan ketetapan-ketetapan Allah. Katakanlah: Kamu tidak akan dibenarkan mengikut kami. Demikianlah Allah telah menetapkan keputusan-Nya sebelum ini, mereka akan berkata: Sebenarnya kamu dengkikan kami. Sebenarnya mereka tidak faham melainkan hanya sedikit sahaja."(15)*

Kebanyakan Mufassirin berpendapat bahawa ayat ini mengisyaratkan kepada kemenangan menakluk Khaybar. Mungkin pendapat ini benar, tetapi ayat ini masih tetap mempunyai saranannya yang tersendiri walaupun ia tidak menjadi nas bagi Khaybar, iaitu ia menyarankan bahawa kaum Muslimin akan mendapat kemenangan yang dekat dan mudah dan orang-orang yang ponteng itu akan sempat melihat peristiwa itu dan berkata:

ذَرُونَا نَتَّبِعْكُمْ ۖ

*"Biarlah kami ikut pergi bersama kamu."(15)*

Mungkin yang mendorongkan Mufassirin menentukan peristiwa itu dengan kemenangan menakluk Khaybar ialah kerana peristiwa itu telah berlaku tidak lama selepas diadakan perjanjian perdamaian Hudaybiyah, iaitu ia berlaku dalam bulan Muharram pada tahun yang ketujuh Hijrah, tidak sampai dua bulan dari tarikh perjanjian perdamaian Hudaybiyah. Pena'lukan Khaybar menghasilkan harta rampasan perang yang banyak. Kubu-kubu Khaybar merupakan kubu-kubu yang akhir bagi saki-baki pusat-pusat penempatan Yahudi di Semenanjung Tanah Arab yang kuat dan kaya. Sebahagian dari suku-suku Yahudi Bani al-Nadhir dan Bani Quraydzah yang diusir keluar dari Semenanjung Tanah Arab telah berlindung di pusat-pusat ini.

Pendapat-pendapat para Mufassirin sepakat mengatakan bahawa Allah telah menjanjikan kaum Muslimin yang telah bermubaya'at di Hudaybiyah itu bahawa mereka akan dikurniakan harta rampasan perang Khaybar. Harta itu hanya untuk mereka sahaja. Tiada seorang yang lain dibenar berkongsi dengan mereka. Saya tidak menemui nas tentang perkara ini dan mungkin juga mereka mengambil fahaman ini dari apa yang telah berlaku sebenarnya, iaitu Rasulullah s.a.w. telah menguntukkan harta rampasan perang Khaybar itu kepada kaum Muslimin yang telah bermubaya'at di Hudaybiyah sahaja dan tiada seorang yang lain yang mendapat harta itu.

Walau bagaimanapun, Allah S.W.T. telah memerintah Nabi-Nya supaya menolak permintaan orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu apabila mereka memohon untuk keluar bersama untuk mendapatkan harta rampasan yang mudah dan dekat itu. Dan perintah itu juga menjelaskan bahawa perbuatan mereka hendak keluar bersama adalah melanggar perintah Allah. Rasulullah s.a.w. juga telah dimaklumkan Allah bahawa mereka akan menuduh apabila mereka dihalangkan dari keluar bersama dengan kata: بل تحسدوننا ("*Sebenarnya kamu dengkikan kami*") kerana itu kamu melarang kami keluar bersama kamu supaya kami tidak mendapat habuan dari harta rampasan perang itu. Kemudian ayat ini menjelaskan bahawa perkataan mereka itu adalah terbit dari kecetekan fahaman mereka terhadap hikmat Allah dan perencanaan-Nya, iaitu balasan yang wajar bagi orang-orang yang ponteng dan tamak itu ialah mereka diharamkan dari mendapat harta rampasan perang, dan balasan yang wajar bagi orang-orang yang ta'at dan ikhsas ialah mereka dikhususkan menerima kurniaan Allah. Merekalah sahaja yang berhak mendapat keuntungan dari harta rampasan yang ditentukan Allah kepada mereka sebagai balasan keta'atan dan keberanian yang ditunjukkan mereka semasa mereka tidak menduga selain dari berjihad dengan penuh kegigihan.

Kemudian Allah memerintah Nabi-Nya memberitahu kepada orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu bahawa mereka akan diseru berjihad untuk memerangi satu kaum yang amat kuat, yang menentang Islam. Jika mereka berjaya menghadapi ujian ini, mereka akan mendapat pahala, sebaliknya

jika mereka terus menderhaka dan ponteng, maka itulah ujian yang terakhir:

قُل لِّلْمُخَلَّفِينَ مِنَ الْأَعْرَابِ سَتُدْعَوْنَ إِلَىٰ قَوْمٍ أُولِي بَأْسٍ شَدِيدٍ تُقَاتِلُونَهُمْ أَوْ يُسْلِمُونَ ۖ فَإِن تُطِيعُوا يُؤْتِكُمُ اللَّهُ أَجْرًا حَسَنًا ۖ وَإِن تَتَوَلَّوْا كَمَا تَوَلَّيْتُم مِّن قَبْلُ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦﴾

*"Katakanlah kepada orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu: Kamu akan diseru menghadapi satu kaum yang amat kuat supaya kamu memerangi mereka hingga mereka menyerah kalah. Jika kamu mematuhi (seruan ini) nescaya Allah mengurniakan kepada kamu pahala yang baik, dan jika kamu berpaling sebagaimana kamu telah berpaling sebelum ini nescaya Allah akan mengazabkan kamu dengan 'azab yang amat pedih."(16)*

Pendapat Ulama' tidak sekata tentang menentukan siapakah yang dimaksudkan dengan kaum yang amat kuat itu. Adakah mereka berada di zaman Rasulullah s.a.w. atau berada di zaman Khalifah-khalifahnya. Yang lebih dekat ialah kaum itu adalah berada di zaman hidup Rasulullah s.a.w. untuk menguji iman orang-orang Arab Badwi yang tinggal di sekeliling Madinah itu.

Yang penting ialah memperhatikan cara tarbiyah Al-Qur'an dan cara ia mengubati jiwa manusia melalui bimbingan-bimbingan Al-Qur'an dan ujian-ujian di alam kenyataan. Dan ini semuanya dapat dilihat dengan jelas apabila Al-Qur'an mendedahkan rahsia orang-orang Arab Badwi yang ponteng itu kepada diri mereka sendiri dan kepada kaum Muslimin, dan dapat dilihat pada bimbingan Al-Qur'an yang menjelaskan kepada mereka tentang hakikat-hakikat, nilai-nilai dan dasar-dasar tingkahlaku yang beriman dan lurus.

Oleh kerana ada kemungkinan difahamkan dari maksud ujian itu ialah semua orang-orang diwajibkan keluar berjihad, maka Allah S.W.T menjelaskan pula golongan orang-orang yang berkeuzuran sebenar yang berhak untuk tidak ikut berjihad tanpa berdosa dan dikenakan hukuman:

لَّيْسَ عَلَى الْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ ۗ وَمَن يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ وَمَن يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

*"Tidak menjadi kesalahan kepada orang yang buta, tidak menjadi kesalahan kepada orang yang pincang dan tidak menjadi kesalahan kepada orang yang sakit (apabila mereka tidak ikut berperang). Dan barang siapa yang ta'atkan Allah dan Rasul-Nya nescaya Allah memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan barang siapa yang berpaling nescaya Allah akan mengazabkannya dengan 'azab yang amat pedih."(17)*

### Keuzuran-keuzuran Yang Dibenarkan Syara' Untuk Tidak Ikut Berjihad

Orang yang buta dan orang yang tempang mempunyai keuzuran yang berkekalan iaitu kelemahan yang berterusan dari memikul kewajipan keluar berjihad, sedangkan orang yang sakit pula mempunyai keuzuran sementara sehingga ia sembuh dari sakitnya.

Persoalan yang sebenar di sini ialah persoalan ta'at dan tidak ta'at dan ia merupakan sikap jiwa bukannya bentuk rupa yang lahir. Siapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka balasannya ialah Syurga, dan siapa yang tidak ta'at, maka ia akan ditunggu 'azab keseksaan. Siapa sahaja boleh menimbangkan di antara kesukaran-kesukaran berjihad dan balasan-balasannya dengan kerehatan tinggal di rumah dan akibat-akibat di sebaliknya, kemudian bolehlah ia membuat pilihannya.

### (Kumpulan ayat-ayat 18 - 29)

لَّقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَابَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٩﴾

وَعَدَكُمُ اللَّهُ مَغَانِمَ كَثِيرَةً تَأْخُذُونَهَا فَعَجَّلَ لَكُمْ هَٰذِهِ وَكَفَّ أَيْدِيَ النَّاسِ عَنكُمْ وَلِتَكُونَ آيَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ وَيَهْدِيَكُمْ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢٠﴾

وَأُخْرَىٰ لَمْ تَقْدِرُوا عَلَيْهَا قَدْ أَحَاطَ اللَّهُ بِهَا ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٢١﴾

وَلَوْ قَاتَلَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوَلَّوُا الْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٢٢﴾

سُنَّةَ اللَّهِ الَّتِي قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلُ ۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

وَهُوَ الَّذِي كَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ عَنْهُم بِبَطْنِ مَكَّةَ مِن بَعْدِ أَنْ أَظْفَرَكُمْ عَلَيْهِمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِمَا

تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٢٤﴾

هُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْهَدْيَ مَعْكُوفًا أَنْ يَبْلُغَ مَحِلَّهُ ۚ وَلَوْلَا رِجَالٌ مُؤْمِنُونَ وَنِسَاءٌ مُؤْمِنَاتٌ لَمْ تَعْلَمُوهُمْ أَنْ تَطَئُوهُمْ فَتُصِيبَكُمْ مِنْهُمْ مَعَرَّةٌ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ لِيُدْخِلَ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ ۚ لَوْ تَزَيَّلُوا لَعَذَّبْنَا الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٢٥﴾

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ حَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَىٰ وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٢٦﴾

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ ۖ لَتَدْخُلُنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ ۖ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَٰلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٢٧﴾

*"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang Mu'min ketika mereka berjanji setia denganmu di bawah sepohon pokok dan Allah telah mengetahui perasaan yang ada di dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)(18). Serta harta rampasan yang banyak yang akan diambil mereka, dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(19). Allah telah menjanjikan kepada kamu harta rampasan yang banyak yang akan diambil kamu, lalu Dia menyegerakan rampasan ini untuk kamu dan dia telah menahan tangan manusia dari membinasakan kamu agar ia menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman dan agar Dia memimpin kamu ke jalan yang lurus(20). Dan (Allah telah menjanjikan) satu lagi kemenangan yang lain yang kamu tidak berupaya mencapaikannya (dengan kekuatan kamu, tetapi) Allah telah menguasainya (untuk kamu), dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (21). Dan jika orang-orang yang kafir memerangi kamu nescaya mereka akan lari. Kemudian mereka tidak akan mendapat siapa pun menjadi pelindung dan penolong mereka(22). Itulah Sunnatullah telah berlaku sebelum ini, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu(23). Dan Dialah yang telah menahan tangan mereka dari menyerang kamu dan tangan kamu dari menyerang mereka di tengah-tengah kota Makkah setelah Allah memenangkan kamu ke atas mereka dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(24). Merekalah orang-orang yang kafir dan mereka telah menghalangkan kamu dari memasuki Masjidil-Haram dan menyebabkan unta-unta korban tertahan dari sampai ke tempat penyembelihannya. Andainya tidak kerana adanya lelaki-lelaki yang beriman dan perempuan-perempuan yang beriman (di Makkah) yang tidak diketahui kamu, yang dibimbangi kamu akan membunuh mereka dan menyebabkan kamu ditimpa dosa tanpa pengetahuan (tentulah kamu diizinkan memerangi mereka). Ini ialah kerana Allah hendak memasukkan orang-orang yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya. Jika mereka (penduduk Makkah yang beriman dan yang kafir) itu terasing dengan jelas, tentulah Kami 'azabkan orang-orang kafir dari kalangan mereka dengan 'azab yang amat pedih(25). (Kenangilah) ketika Allah menjadikan orang-orang kafir (berkobar-kobar) dengan semangat fanatik di dalam hati mereka, iaitu semangat fanatik jahiliyah, lalu Allah turunkan ketenteraman-Nya ke atas Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min serta mewajibkan mereka berpegang teguh dengan kalimah taqwa, kerana merekalah orang-orang yang amat wajar dengan kalimah itu dan merekalah pendokongnya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(26). Sesungguhnya Allah tetap membuktikan kepada Rasul-Nya kebenaran mimpinya, iaitu kamu akan memasuki Masjidil-Haram, Insya Allah, dengan aman dan damai, di mana kamu mencukur dan mengguntingkan kepala kamu dan kamu tidak akan merasa apa-apa ketakutan, kerana Allah mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya. Lalu Allah jadikan sebelum itu satu kemenangan yang dekat (perjanjian perdamaian Hudaybiyah."(27).*

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا ۖ سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَاةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

*"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya dengan membawa hidayat dan agama yang benar agar Dia meninggikannya mengatasi seluruh agama yang lain. Dan cukuplah Allah itu menjadi saksi(28). Muhammad adalah*

*Rasulullah dan orang-orang yang bersama dengannya adalah bersifat tegas dan keras terhadap orang-orang kafir dan bersifat kasih mesra terhadap sesama mereka. Engkau lihat mereka rukuk dan sujud (mendirikan solat) kerana mencari limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya. Tanda kesalihan mereka ternampak jelas pada wajahwajah mereka dari kesan sujud. Itulah sifat mereka di dalam Taurat dan sifat mereka di dalam Injil, iaitu mereka laksana pokok tanaman yang mengeluarkan tunas-tunasnya, lalu ia menguatkannya dan ia menjadi kian membesar dan kasar dan akhirnya tegak di atas batangnya, menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dengan kekuatan mereka. Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh di kalangan mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(29).*

Seluruh ayat ini memperkatakan tentang orang-orang yang beriman dan berbicara dengan orang-orang yang beriman, iaitu berbicara dengan satu angkatan kaum Mu'minin yang unik dan berbahagia yang telah berjanji setia dengan Rasulullah s.a.w. di bawah sepohon pokok, Allah hadir menyaksi dan mengikatkan perjanjian setia itu, di mana tangan kesetiaan-Nya terletak di atas tangan mereka. Angkatan inilah yang telah mendengar Allah menceritakan hal mereka kepada Rasul-Nya:

لَّقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَابَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

*"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang Mu'min ketika mereka berjanji setia denganmu di bawah sepohon pokok dan Allah telah mengetahui perasaan yang ada di dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)."(18)*

Juga mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda kepada mereka:

أنتم اليوم خير أهل الأرض

*"Kamu pada hari ini adalah sebaik-baik penghuni bumi."*

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari)

Allah S.W.T. mengisahkan hal mereka kepada Rasul-Nya dan berbicara dengan mereka, iaitu menyampaikan berita baik kepada mereka dalam bentuk harta rampasan yang banyak dan kemenangan-kemenangan yang disediakan Allah untuk mereka. Juga dalam bentuk naungan dan pemeliharaan Allah terhadap mereka dalam perjalanan itu dan perjalanan selanjutnya, dan seterusnya dalam bentuk pertolongan dari Allah yang berhubung kukuh dengan Sunnatullah yang tidak pernah berubah. Di samping itu Allah mengecam hebat musuh-musuh mereka dari orang-orang kafir dan mendedahkan kebijaksanaan Allah yang telah memilih perdamaian untuk mereka pada tahun ini, serta menegaskan kepada mereka kebenaran mimpi Rasulullah s.a.w. bahawa beliau akan memasuki Masjidil-Haram bersama-sama kaum Muslimin dengan aman damai tanpa menaruh sebarang ketakutan dan kebimbangan dan bahawa agama yang dibawanya itu akan mengatasi segala agama yang ada di muka bumi ini.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan mengemukakan satu gambaran yang gemilang yang menggambarkan angkatan Muslimin yang unik dan berbahagia yang terdiri dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. dan sifat mereka yang disebut di dalam Kitab Taurat dan Kitab Injil serta janji Allah untuk memberi keampunan dan pahala yang besar kepada mereka.

******

## (Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

### *Kemenangan-kemenangan Umat Muslimin Selepas Perjanjian Hudaybiyah*

لَّقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَابَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٩﴾

*"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang Mu'min ketika mereka berjanji setia denganmu di bawah sepohon pokok dan Allah telah mengetahui perasaan yang ada di dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)(18). Serta harta rampasan yang banyak yang akan diambil mereka dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(19)*

Hari ini setelah berlalunya (lebih) seribu empat ratus tahun yang silam, saya cuba menghayati detik-detik suci yang disaksikan oleh seluruh alam buana, iaitu ketika Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Mulia menyampaikan cerita angkatan Muslimin itu kepada Rasul-Nya yang amanah itu. Saya cuba meninjau lembaran alam buana dan hati nuraninya yang tersembunyi ketika ia menyambut penjelasan Ilahi mengenai angkatan Muslimin itu yang berada di suatu tempat yang tertentu di alam ini. Saya cuba menyelami perasaan mereka yang berbahagia itu ketika mereka mendengar dengan telinga mereka sendiri kenyataan Allah yang menerangkan bahawa Dia telah memberi keredhaan terhadap mereka dengan menentukan tempat dan keadaan di mana mereka berada ketika mereka mendapat keredhaan itu, iaitu ketika mereka mengikat perjanjian setia di bawah sepohon pokok, mereka mendengar sendiri kenyataan ini dari Nabi mereka yang benar, yang difirmankan Allah Yang Maha Agung dan Maha Mulia.

Ya Allah! Alangkah bahagianya mereka menyambut detik-detik yang suci itu dan bagaimana mereka

menerima penjelasan Ilahi itu? Iaitu penjelasan yang ditujukan kepada tiap-tiap seorang dari mereka: Engkau, engkau, engkau semuanya ini, Allah menyampaikan kepadamu bahawa Dia telah memberi keredhaan-Nya terhadapmu ketika engkau mengikat janji setia di bawah sepohon pokok dan Allah mengetahui perasaan yang berkecamuk di dalam hatimu, lalu Dia menurunkan ketenteraman ke dalam hatimu itu.

Apabila seorang dari kita membaca atau mendengar ayat: ٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا (*"Allah itulah penaung orang-orang yang beriman"*)[11] ia akan menyambutnya dengan yakin dan berbisik-bisik dalam hatinya:

"Tidakkah aku juga bercita-cita supaya aku termasuk di bawah kenyataan yang umum ini?", atau dia membaca atau mendengar ayat:

*"Allah bersama-sama orang yang sabar"(153)*

dia akan menyambutnya dengan yakin dan berbisik-bisik dalam hatinya, "Tidakkah aku juga bercita-cita agar termasuk di dalam golongan orang-orang yang sabar itu?" Angkatan orang-orang Mu'min itu disampaikan berita kepada mereka seorang demi seorang dan Allah tujukan berita itu kepada mereka masing-masing bahawa Dia telah memberi keredhaan-Nya terhadap mereka dan Dia mengetahui perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka dan Dia redhakan pula terhadap apa yang berkecamuk di dalam hati mereka.

Ya Allah! Alangkah terharunya suasana ini:

لَقَدْ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

*"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang Mu'min ketika mereka berjanji setia denganmu di bawah sepohon pokok dan Allah telah mengetahui apa yang berkecamuk di dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)."(18)*

Maksudnya, Allah mengetahui keghairahan yang berkecamuk di dalam hati mereka iaitu keghairahan terhadap agama mereka bukan keghairahan terhadap kepentingan diri mereka. Allah mengetahui kejujuran mereka di dalam perjanjian setia itu. Allah mengetahui bagaimana hebatnya mereka mengawal perasaan mereka dalam menghadapi cabaran dan mengawal perasaan mereka untuk berdiri teguh, patuh dan sabar di belakang keputusan Rasulullah s.a.w..

*"Lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka."(18)*

Dengan ungkapan ini Al-Qur'an melukiskan ketenteraman itu turun dengan perlahan-lahan dan tenang menyelubungi hati yang sedang panas, bersemangat dan penuh terharu hingga akhirnya menjadi sejuk, damai, tenteram dan riang.

وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

*"Dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)."(18)*

Perjanjian Hudaybiyah dengan segala suasana dan keadaannya itulah yang menjadikannya suatu kemenangan bagi kaum Muslimin dan menjadikannya satu titik permulaan bagi berbagai-bagai kemenangan yang lain. Mungkin kemenangan menakluk Khaybar merupakan salah satu dari kemenangan-kemenangan itu, iaitu satu kemenangan yang sering disebut oleh para Mufassirin sebagai kemenangan yang dekat yang dikurniakan Allah kepada kaum Muslimin.

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا

*"Serta harta rampasan yang banyak yang akan diambil mereka."(19)*

Sama ada harta rampasan diperolehi serentak dengan kemenangan itu jika dimaksudkan dengan kemenangan yang dekat itu ialah kemenangan menakluk Khaybar atau selepas kemenangan itu jika dimaksudkan dengan kemenangan yang dekat itu ialah perjanjian damai Hudaybiyah yang memberi peluang kepada kaum Muslimin menumpukan perjuangan mereka untuk mendapat berbagai-bagai kemenangan.

وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٩﴾

*"Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(19)*

Ayat ini merupakan satu kesimpulan yang sangat sesuai dengan ayat-ayat sebelumnya kerana dari keredhaan Allah, kemenangan yang dikurniakannya dan janji-Nya untuk memberikan harta rampasan itu adalah membuktikan Qudrat kuasa-Nya dan membuktikan hikmat kebijaksanaannya dan tadbir-Nya yang rapi. Dengan sifat-sifat inilah terlaksananya janji Ilahi Yang Maha Pemurah itu.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 20 - 24)

Selepas menyampaikan pengumuman Ilahi yang tinggi kepada Rasul-Nya yang amanah mengenai orang-orang Mu'min yang mengikat janji setia itu, Al-Qur'an berpaling pula berbicara dengan orang-orang Mu'min itu sendiri dan memperkatakan tentang

---

[11] *Surah al-Baqarah, ayat 257.*

perjanjian damai atau tentang kemenangan ini yang disambut mereka dengan sabar dan patuh:

وَعَدَكُمُ ٱللَّهُ مَغَانِمَ كَثِيرَةً تَأْخُذُونَهَا فَعَجَّلَ لَكُمْ هَٰذِهِۦ وَكَفَّ أَيْدِىَ ٱلنَّاسِ عَنكُمْ وَلِتَكُونَ ءَايَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ وَيَهْدِيَكُمْ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢٠﴾ وَأُخْرَىٰ لَمْ تَقْدِرُوا۟ عَلَيْهَا قَدْ أَحَاطَ ٱللَّهُ بِهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢١﴾

*"Allah telah menjanjikan kepada kamu harta rampasan yang banyak yang akan diambil kamu, lalu Dia menyegerakan rampasan ini untuk kamu dan Dia telah menahan tangan manusia dari membinasakan kamu agar ia menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman dan agar Dia memimpin kamu ke jalan yang lurus(20). Dan (Allah telah menjanjikan) satu lagi kemenangan yang lain yang kamu tidak berupaya mencapaikannya (dengan kekuatan kamu, tetapi) Allah telah menguasainya (untuk kamu), dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(21)*

Ini adalah berita-berita baik yang mengembirakan yang disampaikan Allah kepada orang-orang Mu'min. Mereka telah mendengar berita-berita ini dan yakinkan kebenarannya. Mereka tahu bahawa Allah telah menyediakan harta rampasan yang banyak, dan sepanjang hidup mereka selepas itu mereka telah melihat bahawa janji-janji itu telah ditepati Allah. Di dalam ayat ini Allah menyatakan bahawa Dia "telah menyegerakan ini untuk mereka." Mungkin yang dimaksudkan dengan "ini" di sini ialah perjanjian damai Hudaybiyah itu sendiri sebagaimana telah diriwayatkan dari Ibn 'Abbas r.a. untuk menguatkan pengertian bahawa perjanjian damai itu sendiri merupakan suatu kemenangan dan keuntungan. Dan inilah maksudnya yang sebenar sebagai-mana telah kami jelaskan dari sabda Rasulullah s.a.w. yang telah silam dan dari kenyataan-kenyataan keadaan yang membenarkan maksud ini. Dan mungkin pula yang dimaksudkan dengan "ini" di sini ialah kemenangan menakluk Khaybar sebagaimana diriwayatkan oleh Mujahid memandangkan penaklukan Khaybar itu merupakan rampasan perang yang paling dekat berlaku selepas perjanjian damai. Tetapi pentafsiran pertama lebih dekat dan lebih kuat.

Allah mengurniakan ni'mat kepada mereka dengan menahankan tangan manusia dari membinasakan mereka, iaitu menahan orang-orang Musyrikin Quraysy dari menyerang mereka, juga menahan musuh-musuh yang lain dari Quraysy yang sentiasa menunggu peluang untuk membinasakan mereka, sedangkan bilangan mereka sedikit dan bilangan musuh-musuh mereka ramai. Mereka telah menepati janji setia mereka dan melaksanakan segala tanggungjawab-tanggungjawab mereka, dan kerana inilah Allah menahankan tangan musuh-musuh mereka dari menyerang mereka dan memberi keamanan kepada mereka.

وَلِتَكُونَ ءَايَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ

*"Dan agar ia menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman."(20)*

Maksudnya, peristiwa Perjanjian Hudaybiyah yang tidak disukai mereka dan amat berat diterima mereka pada permulaannya itu telah diberitahu Allah bahawa peristiwa itu akan menjadi bukti kepada mereka. Di sana mereka dapat melihat hasil tadbir Allah yang rapi terhadap mereka dan dapat menyaksikan balasan keta'atan mereka kepada Rasulullah s.a.w., iaitu balasan yang meyakinkan mereka bahawa peristiwa itu amat besar dan mengandungi kebajikan yang banyak. Dan Allah telah mencampakkan perasaan tenang dan tenteram, keredhaan dan keyakinan di dalam hati mereka.

وَيَهْدِيَكُمْ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢٠﴾

*"Dan agar Dia memimpin kamu ke jalan yang lurus"(20)*

sebagai balasan kepada keta'atan, kepatuhan dan kejujuran hati kamu. Demikianlah Allah kumpulkan untuk mereka keuntungan mendapat harta rampasan dan keuntungan mendapat hidayat. Dengan ini tercapailah kebajikan untuk mereka dengan sempurna dari segala sudut peristiwa yang mula-mulanya tidak disukai mereka dan berat diterima mereka. Demikianlah Allah mengajar mereka bahawa pilihan Allah uhtuk mereka adalah pilihan yang sebaik-baiknya, dan demikianlah Allah mendidik hati mereka supaya memberi kepatuhan dan keta'atan yang mutlak.

Kemudian Al-Qur'an menyampaikan berita gembira yang lain pula kepada mereka, iaitu kemenangan yang tidak mampu dicapai dengan kekuatan mereka, tetapi Allah telah menguasainya dengan Qudrat dan tadbir-Nya yang rapi untuk mereka:

وَأُخْرَىٰ لَمْ تَقْدِرُوا۟ عَلَيْهَا قَدْ أَحَاطَ ٱللَّهُ بِهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢١﴾

*"Dan (Allah telah menjanjikan) satu lagi kemenangan yang lain yang kamu tidak berupaya mencapaikannya (dengan kekuatan kamu, tetapi) Allah menguasainya (untuk kamu), dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(21)*

Riwayat-riwayat telah berselisih dalam menentukan apakah kemenangan yang dimaksudkan Allah dengan "kemenangan yang lain" itu. Adakah maksudnya kemenangan menakluk Makkah? Atau maksudnya kemenangan menakluk Khaybar? Atau maksudnya kemenangan menakluk kerajaan-kerajaan Kisra dan Qaisar atau maksudnya semua kemenangan yang telah dicapai oleh kaum Muslimin selepas peristiwa Hudaybiyah itu?

Yang lebih munasabah dengan pertalian ayat ialah kemenangan menakluk Makkah selepas Perjanjian

Hudaybiyah, iaitu kemenangan yang dapat dicapai dengan sebab adanya perjanjian itu yang hanya berkuatkuasa selama dua tahun sahaja, kemudian ia dicabuli oleh kaum Quraysy, lalu Allah ta'lukkan negeri Makkah untuk kaum Muslimin tanpa peperangan. Sebelum ini negeri itu amat sukar dikalahkan mereka, malah sebelum ini negeri mereka Madinah diserang oleh penduduk Makkah dan mereka telah dihalang dari memasuki negeri Makkah dan terpaksa pulang pada tahun peristiwa Hudaybiyah. Kemudian Allah mengepung negeri Makkah dan menyerahkannya kepada mereka tanpa pertumpahan darah:

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٗا ﴿٢١﴾

*"Dan Allah adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(21)*

Berita gembira ini disembunyikan dalam ayat ini tanpa ditentukannya kerana kemenangan itu, semasa diturunkan ayat ini, masih merupakan perkara ghaib yang tersimpan dalam ilmu Allah. Ia hanya diisyaratkan di dalam ayat ini untuk menimbulkan perasaan tenang tenteram, keredhaan, harapan dan kesukacitaan.

Sesuai dengan isyarat kepada harta rampasan sekarang dan harta rampasan akan datang yang disediakan Allah untuk mereka, di samping ditunggu-tunggukan mereka, maka Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka akan diberikan kemenangan dan bahawa perjanjian perdamaian yang diadakan pada tahun ini bukanlah kerana mereka lemah dan kaum Musyrikin kuat, malah kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah. Jika orang-orang kafir memerangi mereka tentulah mereka akan kalah. Itulah Sunnatullah apabila orang-orang Mu'min bertempur dengan orang-orang kafir dalam satu peperangan yang muktamad:

وَلَوۡ قَٰتَلَكُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوَلَّوُاْ ٱلۡأَدۡبَٰرَ ثُمَّ لَا يَجِدُونَ وَلِيّٗا وَلَا نَصِيرٗا ﴿٢٢﴾

سُنَّةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِي قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلُۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلٗا ﴿٢٣﴾

*"Dan jika orang-orang yang kafir memerangi kamu nescaya mereka akan lari. Kemudian mereka tidak akan mendapat siapa pun menjadi pelindung dan penolong mereka(22). Itulah Sunnatullah telah berlaku sebelum ini, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(23)*

Demikianlah Allah menghubungkan kemenangan mereka dan kekalahan orang-orang kafir itu dengan undang-undang alam yang tetap tidak berubah. Manakah lagi ketenangan yang lebih dari ketenangan ini? Manakah lagi kepercayaan yang lebih dari kepercayaan ini? Manakah lagi keteguhan hati yang lebih dari keteguhan hati yang dialami oleh orang-orang Mu'min apabila mereka mendengar jaminan dari Allah bahawa kemenangan mereka dan kekalahan musuh mereka merupakan salah satu dari Sunnatullah yang berlaku di alam ini?

Itulah satu undang-undang Ilahi yang tetap dan tidak berubah, tetapi ia mungkin tertunda atau terlewat sehingga sampai kepada tempohnya yang tertentu atau terlewat kerana sebab-sebab yang ada hubungan dengan keturusan dan kejujuran orang-orang Mu'min mematuhi jalan hidup mereka yang lurus yang diperkenalkan Allah kepada mereka, atau kerana sebab-sebab yang ada hubungan dengan penyediaan suasana yang dapat melahirkan kemenangan kepada orang-orang yang beriman dan kekalahan kepada orang-orang yang kafir supaya kemenangan itu mempunyai nilai dan kesannya, atau kerana lain-lain sebab yang diketahui Allah, tetapi Sunnatullah tidak pernah mungkir:

وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلٗا ﴿٢٣﴾

*"Engkau tidak akan dapati sebarang perubahan di dalam Sunnatullah itu."(23)*

Begitu juga Allah menyebutkan limpah kurnia-Nya kepada mereka dengan menahan tangan-tangan orang-orang Musyrikin dari menyerang mereka dan menahankan tangan mereka dari menyerang orang-orang Musyrikin setelah Allah memberi kemenangan kepada mereka menangkap orang-orang Musyrikin yang menyerang mereka. Ini ditujukan kepada satu peristiwa, di mana empat puluh orang atau lebih atau kurang dari kaum Musyrikin cuba menyerang perkhemahan kaum Muslimin di Hudaybiyah, lalu mereka ditangkap dan Rasulullah s.a.w. telah memaaf dan membebaskan mereka:

وَهُوَ ٱلَّذِي كَفَّ أَيۡدِيَهُمۡ عَنكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ عَنۡهُم بِبَطۡنِ مَكَّةَ مِنۢ بَعۡدِ أَنۡ أَظۡفَرَكُمۡ عَلَيۡهِمۡۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٢٤﴾

*"Dan Dialah yang telah menahan tangan mereka dari menyerang kamu dan tangan kamu dari menyerang mereka di tengah-tengah kota Makkah setelah Allah memenangkan kamu ke atas mereka, dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(24)*

Kejadian ini telah berlaku dan diketahui oleh semua orang yang mendengarnya. Allah menyebut kejadian itu kepada kaum Muslimin dengan uslub ini untuk memulangkan setiap gerakan dan setiap kejadian yang berlaku itu kepada tadbir Allah secara langsung dan untuk menanamkan kesedaran ini di dalam hati mereka, iaitu segala-galanya adalah di tangan Qudrat Allah s.a.w., dan Dialah yang mentadbirkan segala-galanya untuk mereka, dan Dialah yang memimpin langkah-langkah mereka di samping memimpin

fikiran mereka supaya menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah tanpa ragu-ragu dan teragak-agak, supaya dengan ini mereka masuk ke dalam Islam dengan keseluruhan diri mereka, iaitu dengan seluruh perasaan, fikiran, keinginan dan kegiatan mereka serta dengan keyakinan bahawa segala-galanya adalah di dalam genggaman Allah, dan bahawa pilihan yang terbaik itu adalah pilihan Allah. Mereka didorong dengan Qudrat kuasa-Nya dan kehendak iradat-Nya dalam segala keputusan yang diambil mereka baik memilih mahu pun menolak dan Allah menghendaki kebaikan untuk mereka. Apabila mereka berserah kepada Allah, maka segala kebaikan akan dapat dicapai melalui jalan yang paling mudah. Allah sentiasa melihat mereka lahir dan batin. Allah membuat pilihan untuk mereka berdasarkan ilmu-Nya Yang Maha Luas dan Allah tidak akan mensia-siakan mereka dan tidak akan meluputkan sesuatu pun yang terhak kepada mereka:

وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٢٤﴾

*"Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(24)*

**(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)**

Kemudian Al-Qur'an menceritakan kepada kaum Muslimin tentang musuh-musuh mereka. Siapakah mereka menurut pertimbangan Allah? Bagaimana Allah memandang tindak-tanduk mereka dan perbuatan mereka yang menghalangkan orang-orang Mu'min dari rumah suci-Nya Baitullahil-Haram, dan bagaimana pula Allah memandang kepada orang-orang Mu'min?

هُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَصَدُّوكُمۡ عَنِ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ وَٱلۡهَدۡيَ مَعۡكُوفًا أَن يَبۡلُغَ مَحِلَّهُۥۚ وَلَوۡلَا رِجَالٞ مُّؤۡمِنُونَ وَنِسَآءٞ مُّؤۡمِنَٰتٞ لَّمۡ تَعۡلَمُوهُمۡ أَن تَطَـُٔوهُمۡ فَتُصِيبَكُم مِّنۡهُم مَّعَرَّةُۢ بِغَيۡرِ عِلۡمٖۖ لِّيُدۡخِلَ ٱللَّهُ فِي رَحۡمَتِهِۦ مَن يَشَآءُۚ لَوۡ تَزَيَّلُواْ لَعَذَّبۡنَا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡهُمۡ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٢٥﴾

إِذۡ جَعَلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلۡحَمِيَّةَ حَمِيَّةَ ٱلۡجَٰهِلِيَّةِ فَأَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَأَلۡزَمَهُمۡ كَلِمَةَ ٱلتَّقۡوَىٰ وَكَانُوٓاْ أَحَقَّ بِهَا وَأَهۡلَهَاۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٗا ﴿٢٦﴾

*"Merekalah orang-orang yang kafir dan mereka telah menghalangkan kamu dari memasuki Masjidil-Haram dan menyebabkan unta-unta korban tertahan dari sampai ke tempat penyembelihannya. Andainya tidak kerana adanya lelaki-lelaki yang beriman dan perempuan-perempuan yang beriman (di Makkah) yang tidak diketahui kamu, yang dibimbangi kamu akan membunuh mereka dan menyebabkan kamu ditimpa dosa tanpa pengetahuan (tentulah kamu diizinkan memerangi mereka). Ini ialah kerana Allah hendak memasukkan orang-orang yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya. Jika mereka (penduduk Makkah yang beriman dan yang kafir) itu terasing dengan jelas, tentulah Kami 'azabkan orang-orang yang kafir dari kalangan mereka dengan 'azab yang amat pedih(25). (Kenangilah) ketika Allah menjadikan orang-orang kafir (berkobar-kobar) dengan semangat fanatik di dalam hati mereka, iaitu semangat fanatik jahiliyah, lalu Allah turunkan ketenteraman-Nya ke atas Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min serta mewajibkan mereka berpegang dengan kalimat taqwa, kerana merekalah orang-orang yang amat wajar dengan kalimat itu dan merekalah pendokongnya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(26)*

Menurut pertimbangan Allah, mereka adalah orang-orang kafir yang sebenar yang amat wajar dengan gelaran yang hina itu:

هُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

*"Merekalah orang-orang yang kafir."(25)*

Gelaran ini didaftarkan untuk mereka seolah-olah merekalah sahaja orang-orang kafir. Mereka merupakan makhluk yang paling dibencikan Allah. Begitu juga Allah merakamkan perbuatan mereka yang hina menghalangkan orang-orang Mu'min dari memasuki Masjidil-Haram dan menghalangkan unta-unta korban hingga tertahan dari sampai ke tempat penyembelihannya yang sebenar:

وَصَدُّوكُمۡ عَنِ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ وَٱلۡهَدۡيَ مَعۡكُوفًا أَن يَبۡلُغَ مَحِلَّهُۥۚ

*"Dan mereka telah menghalangkan kamu dari memasuki Masjidil-Haram dan menyebabkan unta-unta korban tertahan dari sampai ke tempat penyembelihannya."(25)*

Perbuatan ini merupakan satu dosa yang besar di zaman jahiliyah dan di dalam Islam, malah merupakan dosa dalam semua agama yang diketahui mereka di Semenanjung Tanah Arab ini sejak moyang mereka Nabi Allah Ibrahim a.s. lagi. Ia merupakan satu perbuatan yang keji dalam adat resam mereka, di dalam kepercayaan mereka dan di dalam kepercayaan orang-orang yang beriman. Oleh itu naungan Allah yang menghalangkan orang-orang Musyrikin dari menyerang orang-orang Islam itu bukannya untuk menyelamatkan mereka kerana jumlah mereka kecil, tidak! Malah kerana satu hikmat yang lain yang didedahkannya kepada orang-orang yang beriman:

وَلَوۡلَا رِجَالٞ مُّؤۡمِنُونَ وَنِسَآءٞ مُّؤۡمِنَٰتٞ لَّمۡ تَعۡلَمُوهُمۡ أَن تَطَـُٔوهُمۡ فَتُصِيبَكُم مِّنۡهُم مَّعَرَّةُۢ بِغَيۡرِ عِلۡمٖۖ

*"Andainya tidak kerana adanya lelaki-lelaki yang beriman dan perempuan-perempuan yang beriman (di Makkah) yang*

*tidak diketahui kamu, yang dibimbangi kamu akan membunuh mereka dan menyebabkan kamu ditimpa dosa tanpa pengetahuan (tentulah kamu diizinkan memerangi mereka)."(25)*

Di kota Makkah terdapat orang-orang Islam yang lemah. Mereka tidak ikut berhijrah bersama Rasulullah s.a.w. dan mereka tidak mengumumkan keislaman mereka kepada orang ramai kerana menjaga keselamatan diri mereka yang hidup di tengah-tengah kaum Musyrikin itu. Sekiranya berlaku peperangan dan kaum Muslimin menyerang Makkah, sedangkan mereka tidak mengenali orang-orang Islam itu, mungkinlah mereka memijak dan membunuh mereka. Dan jika ini berlaku, orang ramai akan berkata, "Orang-orang Islam membunuh orang-orang Islam", akibatnya mereka diwajibkan membayar diat apabila ternyata bahawa mereka tersalah bunuh, sedangkan mereka yang dibunuh itu adalah orang-orang Islam. Di sana ada satu lagi hikmat iaitu Allah mengetahui bahawa di antara orang-orang kafir yang menghalangkan mereka dari memasuki Masjidil-Haram itu terdapat orang-orang yang diberikan Allah hidayat kepada mereka dan orang-orang yang telah ditetapkan Allah untuk dimasukkan ke dalam rahmat-Nya, kerana Allah mengetahui tabi'at dan hakikat mereka. Sekiranya golongan orang-orang yang beriman dan golongan orang-orang yang kafir itu dapat dibezakan dengan jelas, tentulah Allah mengizinkan kaum Muslimin melancarkan peperangan terhadap mereka dan mengazabkan orang-orang yang kafir dengan 'azab yang amat pedih:

لِّيُدْخِلَ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ لَوْ تَزَيَّلُوا۟ لَعَذَّبْنَا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٢٥﴾

*"Ini ialah kerana Allah mahu memasukkan orang-orang yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya. Jika mereka (penduduk Makkah yang beriman dan yang kafir) itu terasing dengan jelas, tentulah Kami 'azabkan orang-orang yang kafir dari kalangan mereka dengan 'azab yang amat pedih."(25)*

Demikianlah Allah mendedahkan kepada angkatan Mu'minin yang terpilih, unik dan berbahagia itu sebahagian dari hikmat-Nya yang tersembunyi di sebalik perencanaan dan pentadbiran-Nya yang rapi. Kemudian Al-Qur'an terus menggambarkan sifat-sifat orang kafir, iaitu menjelaskan sifat-sifat jiwa mereka dari dalam setelah merakamkan sifat-sifat dan tindak-tanduk mereka dari luar:

*"(Kenangilah) ketika Allah menjadikan orang-orang kafir (berkobar-kobar) dengan semangat fanatik di dalam hati mereka, iaitu semangat fanatik jahiliyah."(26)*

Yakni semangat fanatik yang sombong bukan kerana mempertahankan 'aqidah atau sistem hidup, tetapi semangat fanatik semata-mata kerana keangkuhan, kebanggaan, kesombongan, ketakburan dan kedegilan. Semangat fanatik inilah yang mendorong mereka menghalangi Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang datang bersamanya dari memasuki Masjidil-Haram hingga menyebabkan unta-unta korban yang dibawa mereka tertahan dari sampai ke tempat penyembelihan, sedangkan tindakan itu bertentangan dengan segala undang-undang adat dan dengan segala 'aqidah, tetapi mereka lakukannya semata-mata kerana takut orang-orang Arab yang lain berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah memasuki Masjidil-Haram itu dengan kekuasaan. Demi semangat fanatik jahiliyah inilah mereka lakukan perbuatan yang keji di sisi adat dan agama, dan mereka mencabulkan kehormatan Baitul Haram dan kehormatan Bulan-bulan Haram yang tidak dicabul di zaman jahiliyah dan di zaman Islam itu. Semangat fanatik itu jelas dapat dilihat dalam jawapan-jawapan mereka di permulaan krisis itu kepada orang-orang yang menasihatkan mereka supaya mengambil sikap berdamai dan kepada orang-orang yang mencela perbuatan mereka menghalangkan Muhammad dan sahabat-sahabatnya dari memasuki Baitullah, juga jelas dapat dilihat dalam jawapan Suhayl ibn 'Amr yang menolak nama " ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ" dan sifat Nabi sebagai "Rasulullah" s.a.w. semasa Perjanjian Hudaybiyah itu sedang ditulis. Semuanya itu adalah terbit dari semangat fanatik jahiliyah yang sombong dan degil yang tidak berasaskan kebenaran.

Allah S.W.T. telah menjadikan semangat fanatik jahiliyah itu berkobar-kobar di dalam hati mereka kerana Allah mengetahui bahawa hati mereka penuh dengan kedegilan untuk menerima dan tunduk kepada kebenaran. Adapun orang-orang Mu'min, maka Allah telah melindungkan mereka dari semangat fanatik jahiliyah yang sombong itu dan menggantikannya dengan perasaan ketenteraman dan semangat taqwa:

*"Lalu Allah turunkan ketenteraman-Nya ke atas Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min serta mewajibkan mereka berpegang teguh dengan kalimat taqwa kerana merekalah orang-orang yang amat wajar dengan kalimat itu dan merekalah pendokongnya."(26)*

Rasa ketenteraman yang tenang adalah sama dengan rasa taqwa yang sentiasa berwaspada dan merendah diri, kedua-duanya layak bertapak di dalam hati orang yang beriman yang berhubung dengan Allah dan bermuraqabah dengan-Nya pada setiap gerak-gerinya. Dan dia tidak berlagak angkuh dan melampaui batas, tidak marah kerana kepentingan

dirinya, malah marah kerana Allah dan agamanya, dan apabila dia diperintah supaya bertenang, dia mematuhinya dengan penuh kerelaan dan ketenangan.

Kerana itu orang-orang yang beriman amat wajar dengan kalimat taqwa dan merekalah pendokong-pendokongnya. Ini satu lagi kepujian dari Allah kepada mereka, di samping melimpah nikmat ketenteraman dan taqwa di dalam hati mereka. Merekalah yang berhak menerimanya dalam pertimbangan dan pengakuan Allah. Itulah penghormatan demi penghormatan yang terbit dari ilmu Allah dan penghargaan-Nya:

وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٢٦﴾

*"Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(26)*

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)**

Kita telah pun mengetahui bahawa setengah-setengah orang yang beriman yang keluar bersama Rasulullah s.a.w. dengan perasaan penuh gembira kerana mimpi beliau itu tiba-tiba mereka terkejut dan hampa apabila mimpi itu tidak terlaksana pada tahun ini dan mereka telah dihalangkan dari memasuki Masjidil-Haram, kerana itu Allah menegaskan kepada mereka bahawa mimpi beliau itu benar dan ia adalah datang dari-Nya dan ia tetap akan terlaksana dan bahawa di sebalik mimpi itu juga ada sesuatu yang lebih besar dari kemasukan ke dalam Masjidil-Haram:

لَّقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّءْيَا بِالْحَقِّ ۖ لَتَدْخُلُنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِن شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ ۖ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِن دُونِ ذَٰلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٢٧﴾ هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

*"Sesungguhnya Allah tetap membuktikan kepada Rasul-Nya kebenaran mimpinya, iaitu kamu akan memasuki Masjidil-Haram, insya Allah, dengan aman dan damai, di mana kamu mencukur dan mengguntingkan kepala kamu dan kamu tidak akan merasa apa-apa ketakutan, kerana Allah mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya. Lalu Allah jadikan sebelum itu satu kemenangan yang dekat (perjanjian perdamaian Hudaybiyah)(27). Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya dengan membawa hidayat dan agama yang benar agar Dia meninggikannya mengatasi seluruh agama yang lain. Dan cukuplah Allah itu menjadi saksi."(28)*

Berita gembira yang pertama ialah berita Allah membenarkan mimpi Rasulullah s.a.w. dan kemasukan mereka ke dalam Masjidil-Haram dengan aman damai dan berita mereka mencukur dan menggunting rambut kepala mereka setelah selesai menunaikan ibadat Haji dan Umrah dan semuanya dapat dilakukan mereka tanpa sebarang ketakutan dan kebimbangan. Berita pertama ini telah terlaksana setahun selepas Perjanjian Hudaybiyah, kemudian terlaksana dalam bentuk yang lebih besar dan lebih jelas lagi selepas dua tahun dari masa perjanjian itu, kerana di waktu itu mereka telah berjaya menakluk Makkah dan agama Allah telah tersebar di merata pelosoknya.

Tetapi Allah mengajar adab dan disiplin keimanan kepada orang-orang Mu'min melalui firman-Nya:

لَتَدْخُلُنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِن شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ

*"Kamu akan memasuki Masjidil-Haram, Insya Allah, dengan aman damai."(27)*

Kemasukan mereka ke Masjidil-Haram itu tetap berlaku kerana Allah sendiri telah menceritakannya, tetapi kehendak iradat Allah pastilah ada di dalam hati mereka dalam bentuknya yang bebas dan terlepas dari segala ikatan supaya hakikat ini sentiasa tertanam di dalam hati mereka dan menjadi asas kefahaman mereka terhadap kehendak iradat Ilahiyah. Al-Qur'an sentiasa bersandar pada pengertian ini dan sentiasa menetapkan hakikat ini, kerana itu ia menyebut pengecualian ini di setiap tempat sehingga di tempat ia menyebut janji-janji Allah sendiri sedangkan janji Allah tidak akan dimungkiri, tetapi hubungan kehendak iradat Allah dengan janji-Nya itu adalah selama-lamanya bebas. Inilah adab dan disiplin yang dicampakkan Allah ke dalam hati orang-orang Mu'min supaya sentiasa tersemat di dalam hati nurani dan perasaan mereka.

Marilah kita kembali kepada kisah pelaksanaan janji ini. Riwayat-riwayat telah menyebut bahawa di dalam bulan Zulkaedah tahun yang ketujuh iaitu tahun selepas perdamaian Hudaybiyah, Rasulullah s.a.w. telah keluar ke Makkah untuk mengerjakan Umrah bersama angkatan Muslimin yang telah menyaksikan perjanjian itu. Beliau telah berihram dari Zul-Hulaifah[12] dan membawa bersamanya unta-unta korban sebagaimana yang telah dilakukan beliau pada tahun yang lepas. Beliau berjalan bersama sahabat-sahabatnya itu dengan mengucapkan Talbiyah. Apabila angkatan beliau sampai dekat Murrazh-Zhahran, beliau mengutuskan Muhammad ibn Maslamah membawa kuda-kuda dan senjata-senjata di hadapannya. Apabila orang-orang Musyrikin melihatnya mereka menjadi sangat takut. Mereka menyangka Rasulullah s.a.w. mahu memerangi mereka dan beliau telah mencabul perjanjian perdamaian yang telah dimeteraikan di antaranya dengan mereka, iaitu perjanjian gencatan senjata

---

[12] ذي الحليفة

selama sepuluh tahun. Mereka pun dengan segera pergi ke Makkah menyampaikan berita itu kepada penduduk-penduduknya. Apabila Rasulullah s.a.w. sampai dan turun di Murrazh-Zhahran[13] dan melihat tanda-tanda perbatasan Tanah Haram, beliau pun menghantar senjata-senjata iaitu busar-busar, anak-anak panah, tombak dan lembing kepada suku Yajaj. Kemudian beliau terus berjalan menuju ke Makkah dengan pedang-pedang yang dimasukkan ke dalam sarungnya sebagaimana yang telah dipersetujui bersama dalam perjanjian itu. Semasa dalam perjalanan itu, kaum Quraysy telah mengutuskan Makraz ibn Hafs menemui beliau. Dia berkata kepadanya: "Wahai Muhammad! Setahu kami engkau tidak pernah mencabulkan perjanjian." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Kenapa engkau berkata begitu?" Jawab Makraz: "Engkau masuk ke tempat kami dengan senjata, panah-panah, lembing dan tombak." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Bukan begitu. Kami telah hantarkan semua senjata kami kepada Yaajaj." Makraz pun berkata: "Memang inilah sifat engkau yang kami tahu. Engkau seorang baik dan setia."

Ketua-ketua Quraysy dengan segera keluar dari Makkah. Mereka tidak mahu melihat Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya r.'anhum kerana marah dan dendam terhadap mereka, sementara saki-baki penduduk Makkah lelaki, perempuan dan kanak-kanak duduk di tepi-tepi jalan dan di atas rumah-rumah melihat angkatan Rasulullah s.a.w. bersama para sahabatnya. Beliau memasuki kota Makkah didahului oleh para sahabatnya dengan mengucap Talbiyah. Beliau telah menghantarkan unta-unta korban ke Zu-Tawa. Di waktu itu beliau menunggang untanya yang bernama al-Qaswa', iaitu unta yang telah ditungganginya pada masa berlakunya peristiwa Hudaybiyah, dan tali kang unta itu dipegang dan dituntun oleh 'Abdullah ibn Rawahah al-Ansari.

Demikianlah mimpi Rasulullah s.a.w. dan janji Allah itu terlaksana di alam kenyataan. Kemudian diikuti pula dengan kemenangan menakluk Makkah selepas itu dan tersebarnya agama Allah di merata pelosok negeri Makkah, kemudian di merata pèlosok Semenanjung Tanah Arab, kemudian terlaksanalah pula janji Allah dan berita gembiranya yang terakhir di dalam firman-Nya:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرۡسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلۡهُدَىٰ وَدِينِ ٱلۡحَقِّ لِيُظۡهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدٗا ٢٨

*"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya dengan membawa hidayat dan agama yang benar agar Dia meninggikannya mengatasi seluruh agama yang lain. Dan cukuplah Allah itu menjadi saksi."(28)*

Agama Islam yang benar itu bukan sahaja telah tersebar di merata pelosok Semenanjung Tanah Arab, malah telah tersebar di merata pelosok dunia sebelum berlalunya separuh abad dari masa kelahirannya. Ia telah tersebar di seluruh Empayar Kisra dan di sebahagian besar Empayar Qaysar. Ia tersebar di negeri China, kemudian tersebar di Tenggara Asia iaitu Semenanjung Tanah Melayu dan lain-lainnya dan di kepulauan Indonesia. Inilah bahagian terbesar kawasan dunia di abad yang keenam dan di separuh abad yang ketujuh Masihi.

Dan agama ini masih terus tersebar mengatasi seluruh agama yang lain walaupun selepas kuasa politiknya merosot di negeri-negeri yang telah dita'lukkannya terutama di Eropah dan di Kepulauan Lautan Mediterranean dan selepas lemahnya kekuatan umat Muslimin di seluruh dunia ini dibandingkan dengan kekuatan yang muncul di Timur dan di Barat di masa ini.

Ya! Agama Islam masih terus mengatasi seluruh agama yang lain dari segi keagamaan itu sendiri. Ia adalah agama yang kuat dengan keperibadiannya dan kuat dengan sifat-sifatnya. Ia terus maju tanpa pedang dan meriam kerana sifat-sifatnya yang sesuai dengan fitrah manusia dan dengan undang-undang alam buana yang kukuh, dan kerana ia dapat memenuhi dengan senang dan mendalam kehendak-kehendak yang diperlukan minda dan roh manusia, juga kehendak-kehendak yang diperlukan oleh perkembangan tamadun dan kemajuan umat manusia, dan seterusnya kehendak-kehendak yang diperlukan oleh berbagai-bagai jenis masyarakat iaitu dari masyarakat penghuni gobok-gobok yang buruk kepada masyarakat penghuni pencakar-pencakar langit.

Mana-mana penganut agama lain dari agama Islam yang melihat dan mengkaji agama Islam dengan pandangan dan kajian yang bersih dari semangat fanatisme dan bersih dari hawa nafsu, maka lambat laun ia akan mengakui kebenaran agama ini dan kekuatannya yang tersembunyi. Ia akan mengakui bahawa agama Islam mempunyai keupayaan untuk memimpin umat manusia dengan pimpinan yang jitu dan dapat memenuhi segala keperluannya yang berkembang subur itu dengan mudah:

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدٗا ٢٨

*"Dan cukuplah Allah itu menjadi saksi."(28)*

Jadi, janji Allah itu telah terlaksana dalam bentuk kekuasaan politik yang nyata sebelum berlalunya satu abad selepas kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., dan janji Allah itu terus terlaksana dalam bentuk keagamaan itu sendiri yang kukuh dan teguh, malah pada hakikatnya agama Islam masih terus mengatasi segala agama yang lain. Islam adalah satu-satunya agama yang kekal yang mempunyai keupayaan untuk bertindak dan memimpin di dalam segala keadaan.

---

[13] مرالظهران

Barang kali penganut-penganut Islam sahaja yang masih belum memahami hakikat itu pada hari ini, sedangkan orang-orang yang bukan penganut Islam telah pun memahaminya dan menaruh perasaan takut dan bimbang terhadap kebangkitannya dan membuat segala macam perhitungan di dalam langkah-langkah politik mereka untuk menghadapi Islam.

### (Pentafsiran ayat 29)

#### *Sifat-sifat Para Sahabat Rasulullah S.A.W.*

Sekarang tibalah kita kepada akhir surah ini. Ia diakhiri dengan gambaran yang cemerlang yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengenai sifat-sifat para sahabat Rasulullah s.a.w. Ia diakhiri dengan sanjungan dan pujian yang tinggi terhadap angkatan para sahabat yang unik dan berbahagia, yang telah mendapat keredhaan Allah seorang demi seorang:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِى ٱلْإِنجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسْتَغْلَظَ فَٱسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنْهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًۢا ﴿٢٩﴾

*"Muhammad adalah Rasulullah, dan orang-orang yang bersama dengannya adalah bersifat tegas dan keras terhadap orang-orang kafir dan bersifat kasih mesra terhadap sesama mereka. Engkau lihat mereka ruku' dan sujud (mendirikan solat) kerana mencari limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya. Tanda kesolehan mereka ternampak jelas pada wajah-wajah mereka dari kesan sujud. Itulah sifat mereka di dalam Taurat dan sifat mereka di dalam Injil, iaitu mereka laksana pokok tanaman yang mengeluarkan tunas-tunasnya, lalu ia menguatkannya dan ia menjadi kian membesar dan kasar dan akhirnya tegak di atas batangnya, menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dengan kekuatan mereka. Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh di kalangan mereka keampunan dan pahala yang amat besar."*

Ini adalah satu gambaran yang amat menarik yang dilukiskan oleh Al-Qur'anul-Karim dengan uslubnya yang indah, iaitu satu gambaran yang mengandungi beberapa pemandangan yang menggambarkan keadaan-keadaan angkatan para sahabat lahir dan batin. Satu pemandangan menggambarkan sikap mereka terhadap orang-orang kafir dan terhadap sesama mereka, iaitu:

أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ

*"Mereka bersikap tegas dan keras terhadap orang-orang kafir dan bersikap kasih mesra terhadap sesama mereka."(29)*

Satu pemandangan lagi menggambarkan keadaan mereka di dalam ibadat iaitu:

تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا

*"Engkau lihat mereka ruku' dan sujud."(29)*

Satu lagi pemandangan menggambarkan keadaan hati dan perasaan mereka, iaitu:

يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ

*"Mereka mencari limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya."(29)*

Dan pemandangan yang menggambarkan kesan ibadat dan tawajjuh mereka kepada Allah pada rupa paras mereka, iaitu:

سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ ۚ

*"Tanda-tanda kesolehan mereka ternampak jelas pada wajah-wajah mereka dari kesan sujud."(29)*

ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِى ٱلْإِنجِيلِ

*"Itulah sifat mereka di dalam Taurat dan sifat mereka di dalam injil."(29)*

Dan beberapa pemandangan lagi yang berturut-turut menggambarkan sifat mereka yang disebut di dalam Injil:

كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسْتَغْلَظَ فَٱسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ ۗ

*"Mereka laksana pokok tanaman yang mengeluarkan tunas-tunasnya, lalu ia menguatkannya dan ia menjadi kian membesar dan kasar dan akhirnya tegak di atas batangnya, menyenangkan hati para penanamnya kerana Allah hendak menimbulkan kemarahan orang-orang kafir."(29)*

Ayat ini dimulai dengan menetapkan sifat "Rasulullah" kepada Muhammad s.a.w., iaitu sifat yang diingkarkan oleh Suhayl ibn 'Amr dan seluruh kaum Musyrikin di belakangnya. Iaitu "Muhammad itu adalah Rasulullah" dan gambaran itu terlukis begitu indah dengan uslub Al-Qur'an yang amat menarik.

Orang-orang yang beriman mempunyai bermacam-macam keadaan, tetapi pemandangan yang digambarkan oleh Al-Qur'an ialah pemandangan-pemandangan yang menyentuh keadaan-keadaan yang tetap dalam kehidupan mereka atau menyentuh titik-titik asasi dalam kehidupan mereka, dan dari keadaan-keadaan yang tetap dan titik-titik asasi inilah dijadikan garis-garis yang lebar yang digambarkan

dengan gambaran yang cemerlang. Maksud iradat Ilahi hendak memberi penghormatan yang tinggi kepada mereka jelas sekali ketika Al-Qur'an merakamkan pemandangan mereka yang pertama iaitu:

أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ

*"Mereka bersikap tegas dan keras terhadap orang-orang kafir dan bersikap kasih mesra terhadap sesama mereka."(29)*

Maksudnya, sikap mereka tegas dan keras terhadap orang-orang kafir, sedangkan dalam kalangan mereka termasuk ibubapa dan saudara-saudara mereka sendiri, juga termasuk kaum kerabat dan sahabat handai mereka, tetapi semua hubungan ini telah diputuskan mereka. Mereka bersikap kasih mesra terhadap sesama mereka, sedangkan hubungan mereka hanya diikat oleh persaudaraan seagama sahaja. Mereka bersikap tegas dan keras kerana Allah dan bersikap kasih mesra kerana Allah. Itulah semangat fanatik kerana 'aqidah dan semangat toleransi kerana 'aqidah. Mereka bertindak demikian bukan kerana keinginan nafsu dan bukan pula kerana kepentingan diri. Mereka tegakkan sentimen dan perasaan mereka, perilaku dan hubungan-hubungan di atas asas-asas 'aqidah mereka sahaja. Mereka bersikap keras terhadap musuh-musuh mereka di atas asas 'aqidah dan bersikap lemah lembut terhadap saudara seagama mereka juga di atas asas 'aqidah. Mereka membersihkan jiwa mereka dari sifat-sifat tamak atau keakuan dan dari keinginan-keinginan hawa nafsu dan dari sentimen-sentimen kerana yang lain dari Allah. Semuanya ditegakkan di atas asas perhubungan yang mengikatkan mereka dengan Allah.

******

Maksud penghormatan itu amat jelas sekali ketika Al-Qur'an memilih di antara keadaan-keadaan mereka yang beranekaragam itu satu keadaan yang menggambarkan mereka sedang ruku' dan sujud menunaikan ibadat iaitu:

تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا

*"Engkau melihat mereka ruku' dan sujud."(29)*

Ungkapan ini membayangkan seolah-olah ruku' dan sujud itu merupakan keadaan mereka yang tetap dan berterusan ketika mereka dilihat orang. Ini ialah kerana kedudukan ruku' dan sujud merupakan satu keadaan beribadat, iaitu satu keadaan mereka yang teguh yang menjadi hakikat jiwa mereka. Dan keadaan ini diungkapkan dengan kata-kata yang membayangkan seolah-olah mereka menghabiskan seluruh waktu mereka di dalam ruku' dan sujud.

Pemandangan yang ketiga juga sama seperti pemandangan ini, tetapi ia menggambarkan keadaan di dalam jiwa dan lubuk hati mereká, iaitu:

يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا

*"Mereka mencari limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya."(29)*

Ini adalah gambaran perasaan mereka yang tetap dan berterusan, iaitu apa yang difikir dan diharapkan mereka ialah limpah kurnia Allah dan keredhaan-Nya dan tiada sesuatu yang lain di sebaliknya.

Pemandangan yang keempat merakamkan kesan ibadat yang nyata pada wajah mereka, iaitu:

سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ

*"Tanda-tanda kesolehan mereka ternampak jelas pada wajah-wajah mereka dari kesan sujud."(29)*

Iaitu tanda-tanda yang berseri-seri, jernih dan suci pada wajah-wajah mereka dan tanda-tanda kelesuan kerana beribadat yang memancarkan sinar yang lemah lembut. Tanda yang dimaksudkan di sini bukanlah tanda tompokan hitam pada dahi sebagaimana yang segera tergambar di dalam fikiran seorang apabila disebut "dari kesan sujud" kerana maksud dari kesan sujud ialah kesan ibadat. Al-Qur'an memilih kata sujud kerana sujud itu menggambarkan keadaan khusyu', khudhu' dan 'Ubudiyah kepada Allah dalam bentuknya yang paling sempurna. Itulah kesan dari khusyu' yang terlukis di atas wajah seorang, di mana lenyapnya segala tanda-tanda takbur dan angkuh digantikan oleh tanda-tanda tawadhu', kejernihan, kebersihan, keserian yang tenang dan kelesuan yang samar-samar yang menambahkan seri dan kegemilangan kepada wajah Mu'min.

Gambaran gemilang yang digambarkan oleh pemandangan-pemandangan ini bukanlah merupakan perkara baru, malah merupakan sifat-sifat mereka yang tetap yang dirakamkan di dalam suratan taqdir Ilahi. Itulah sifat-sifat lama yang telah disebut di dalam kitab suci Taurat:

ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ

*"Itulah sifat mereka di dalam Taurat."(29)*

Itulah sifat-sifat mereka yang diperkenalkan Allah di dalam kitab suci yang diturunkan kepada Musa a.s. untuk disampaikan kepada penduduk bumi sebelum mereka dilahirkan ke dunia ini lagi.

وَمَثَلُهُمْ فِى ٱلْإِنجِيلِ

*"Dan itulah sifat mereka di dalam Injil."(29)*

Yakni sifat mereka ketika Allah menyampaikan berita kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya ialah:

كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْـَٔهُۥ

*"Mereka laksana pokok tanaman yang mengeluarkan tunas-tunasnya."(29)*

Ia laksana satu tanaman yang subur dan kuat. Ia mengeluarkan tunas-tunasnya dari hasil kekuatan dan kesuburannya. Tetapi anak-anak tunas itu tidak melemahkan batangnya bahkan menguatkannya:

فَـَٔازَرَهُۥ

*"Lalu ia menguatkannya"(29)*

atau batangnya menguatkan anak-anak tunasnya:

فَٱسۡتَغۡلَظَ

*"Dan ia menjadi kian membesar dan kasar."(29)*

Maksudnya, anak-anak tunas kian subur dan besar batangnya:

*"Akhirnya tegak di atas batangnya."(29)*

Akhirnya ia tegak lurus tidak bengkok dan merendah bongkok, tetapi tegak lurus dan kuat.

Ini ialah gambaran pokok itu sendiri, tetapi kesan kesuburannya pada hati para penanam yang pakar dalam tumbuh-tumbuhan dan tanaman yang arif dengan pokok yang subur dan yang layu, yang berbuah dan yang tidak berbuah itu ialah ia menimbulkan perasaan gembira dan sukacita dalam hati mereka:

*"Menyenangkan hati para penanamnya."(29)*

Dalam satu qira'at yang lain dibaca: يعجب الزارع

*"Menyenangkan hati penanamnya."(29)*

Yang dimaksudkan dengan "penanamnya" di sini ialah Rasulullah s.a.w. yang telah menanam tanaman yang subur dan kuat itu. Sementara kesannya kepada orang-orang kafir ialah sebaliknya iaitu menimbulkan kemarahan kepada mereka:

*"Agar ia menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dengan sebab mereka".(29)*

Tujuan kata-kata menimbulkan kemarahan orang-orang kafir itu membayangkan bahawa tanaman ini ialah tanaman Allah atau tanaman Rasul-Nya. Mereka (para sahabat) hanya merupakan tabir kepada Qudrat Ilahi dan merupakan alat untuk menimbulkan kemarahan musuh-musuh Allah. Sifat perbandingan ini bukannya baru, tetapi telah tersurat lama di dalam suratan taqdir. Oleh sebab itulah sifat perbandingan ini disebut-sebut sebelum lahirnya Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya ke dunia ini. Ia tersurat di dalam Injil ketika menyampaikan berita kedatangan Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya.

Demikianlah Allah merakamkan dalam kitab sucinya yang kekal sifat-sifat angkatan sahabat Rasulullah s.a.w. yang terpilih. Dengan itu ia terpacak teguh di jantung alam buana dan seluruh pelosok bergema memberi sahutan, dan sambutan ketika mendengar pengumuman itu dari Allah S.W.T. Sifat-sifat itu akan kekal menjadi contoh teladan kepada seluruh generasi supaya mereka berusaha melaksanakan sifat-sifat itu agar pengertian keimanan itu meningkat ke darjat yang setinggi-tingginya. Di samping semua penghormatan ini, Allah menjanjikan keampunan dan pahala yang amat besar:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنۡهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمَۢا ﴿٢٩﴾

*"Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh di kalangan mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(29)*

Janji itu disebut dengan bentuk kenyataan yang umum setelah diterangkan sifat-sifat mereka. Ini menjadikan mereka orang-orang pertama yang termasuk dalam kenyataan yang umum ini.

Penghormatan itu sahaja sudah cukup untuk mereka, inikan pula ditambah dengan keampunan dan pahala yang amat besar. Keredhaan Allah sahaja terhadap mereka merupakan pahala yang amat besar, tetapi limpah kurnia dan kemurahan Allah itu adalah tidak terbatas dan terikat. Pemberian Ilahi adalah pemberian yang tidak pernah putus.

Sekali lagi saya cuba meneropong dari belakang empat belas abad untuk melihat wajah-wajah para sahabat yang bahagia itu dan hati mereka ketika mereka menerima limpah kurnia Ilahi iaitu menerima keredhaan Allah penghormatan dan janji-Nya yang amat besar. Bagaimana perasaan mereka apabila mereka memandang diri mereka berada di makam yang setinggi ini dalam pandangan dan pertimbangan Allah, juga di sanjung tinggi di dalam kitab Allah. Saya cuba meneropong untuk melihat mereka ketika pulang dari Hudaybiyah, di mana turunnya surah ini dan dibacakan kepada mereka, dan bagaimana mereka menghayati surah ini dengan seluruh roh, hati dan perasaan mereka, dan bagaimana mereka berpandang-pandangan satu sama lain melihat kesan nikmat yang dirasakan di dalam diri mereka.

Saya cuba untuk hidup bersama mereka dalam detik-detik mereka menghayati temasya Ilahi Yang Maha Tinggi itu. Tetapi masakan seorang manusia yang tidak menghadiri temasya Ilahi itu dapat mencapai keindahannya kecuali dari jauh sahaja! Kecuali mereka yang dimuliakan Allah seperti kemuliaan yang diberikan kepada mereka, lalu yang jauh dijadikan dekat kepadanya.

Ya Allah! Sesungguhnya engkau mengetahui betapa rindunya aku untuk meni'mati bekalan limpah kurnia yang unik ini...